

Jendela Sarawak



BIL. 4 OGOS 2001/ JAMADILAKHIR 1422 DITERBITKAN 3 KALI SETAHUN

EDARAN PERCUMA



Ketibaan Y.B. Dato Haji Adenan Haji Satem sewaktu majlis perasmian Hari Sastera XII disambut oleh Tan Sri Ismail Hussain, Dato A. Aziz Deraman dan Tuan Haji Abdul Rahman Yusof.

HARI SASTERA XII MERIAH

oleh Hazami Jahari

HARI SASTERA XII, satu perhimpunan rasmi para penulis, sarjana dan budayawan nasional serta serantau telah diadakan di Santubong Resort, Kuching, Sarawak pada 17 hingga 20 Ogos 2001 yang lalu. Pada kali ini seramai 250 peserta dari Malaysia, Brunei, Indonesia dan Thailand berhimpun untuk membincangkan 20 kertas kerja. Perbincangan dan perbahasan adalah di sekitar tema Sastera Sebagai Wadah Integrasi Budaya.

Hari Sastera mempunyai sejarah yang cukup menarik. Bermula pada tahun 1972 di Kota Bharu dan kali terakhir pada 1995 di Melaka. Dan Kuching pula dipilih untuk kali kedua untuk menganjurkan Hari Sastera selepas buat pertama kali mengendalikannya pada tahun 1974. Penganjuran Hari Sastera XII adalah kerjasama antara Kerajaan Negeri Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, GAPENA, PUTERA serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Matlamat Hari Sastera XII ialah:

- Menghimpunkan para pengarang, sarjana, dan peminat bahasa dan sastera peringkat nasional dan serantau untuk membincangkan permasalahan bahasa, sastera dan budaya semasa.

- Mengetengahkan permasalahan bahasa, sastera dan budaya semasa kepada masyarakat dengan tujuan untuk memupuk dan mendalam lagi pengertian dan apresiasi terhadap kesusasteraan di kalangan masyarakat.

- Melambangkan perjuangan GAPENA dan masyarakat Malaysia terhadap dunia berbahasa Melayu yang lebih luas, agar seluruh

rantau berbahasa Melayu dapat bersatu teguh bagi membina tamadun bersama yang cemerlang di Asia Tenggara dan dunia.

Perhimpunan ini berlangsung dalam suasana yang menarik, harmoni dan sekali-sekala diselitkan dengan semangat berkobar-kobar para peserta yang membincangkan sesuatu perkara. Keseluruhan peserta bersetuju dengan peranan sastera sebagai wadah integrasi budaya, baik pada peringkat nasional maupun serantau. Teras kepada penyatuan dan kefahaman budaya adalah sastera yang secara langsung menyebarkan maklumat tentang sesuatu etnik melalui karyanya yang dihasilkan oleh seniman.

Ucap utama seminar disampaikan oleh Dr. Haji Adi Badiozaman Tuah, Pengetua Maktab Perguruan Batu Lintang, yang juga seorang penulis dan aktivis sastera serta budaya. Tajuk ucap utama beliau ialah Penyatuan Dalam Kepelbagai: Menilai Semula Peranan Penulis dalam Era Globalisasi. Dalam ucapan tersebut, beliau mengemukakan empat fenomena yang memberi impak kepada perkembangan sastera iaitu: kepentingan ilmu sains dan teknologi, perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi, peningkatan kuasa ekonomi dan pengaliran masuk budaya popular. Kesemuanya menurut Dr. Haji Adi Badiozaman Tuah memberi kesan yang bukan sedikit kepada perkembangan bahasa, sastera, budaya dan orang Melayu itu sendiri. Dengan itu fenomena itu perlu ditangani secara kemas, teratur dan berhati-hati.

Pembentang dalam negeri lain yang terlibat ialah Haji Hamdan Yahya (DBP KL), Haji Hamzah Hamdani (GAPENA), Dr. Othman

Puteh (GAPENA), Zainal Abidin Borhan dan Hashim Ismail (Universiti Malaya), Datuk Ismail Abbas (Sabah), Encik Zaini Ozea (DBP Sabah), Saiee Dris (Sarawak), Jeniri Amir (Unimas), Jeli Bohari Biha (Putera), Douglas Jaga (Sarawak), Hazami Jahari (DBP Sarawak) dan Dr. Siti Zainon Ismail (UKM). Pembentang dari luar negara pula ialah Haji Jawawi Haji Ahmad (Brunei), Haji Suhaiimi Hj. Ismail (Thailand), Tengku Luckman Sinar S, Chairil Effendi, Dr. Yusmar Yusuf, Viddy Ad Daery, Drs. F.L Sudiran S.PD dan Safrullah Sanre (Indonesia).

Selain acara persidangan, Hari Sastera XII juga diselitkan dengan beberapa acara sampingan. Acara tersebut ialah pementasan teater *Tergadai* oleh Grup AKAR, dari Sarawak *Main Lakon Bumiku Oh Bumiku* oleh DBP Cawangan Sabah dan Kembara Sastera Nusantara 1 anjuran PUTERA. Biarpun jadual seminar padat, namun hal ini tidak menghalang peserta untuk mengambil kesempatan beramah mesra dan bertukar pengalaman sepanjang perhimpunan berlangsung. Kedamaian dan ketenangan pantai Santubong turut menyerikan pertemuan penulis pada kali ini.

Hari Sastera XII dirasmikan oleh Y.B. Dato Haji Adenan Haji Satem yang mewakili Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak. Dalam ucapan perasmian beliau mengharapkan perhimpunan penulis ini dapat dijadikan landasan untuk mengeratkan integrasi serantau. Beliau juga mengharapkan agar persatuan penulis,

Menarik di dalam



Wawancara dengan
Y.B. Dato' Abang Johari

Halaman 3



Forum Remaja
Kebangsaan 2001

Halaman 5



Jerayawara Sastera

Halaman 7

Talian Khidmat Bahasa

Tel : 082-444711

Faks: 082-444707

Emel: dbpsar@po.jaring.my

Bahasa Jiwa Bangsa

Sidang Editor

KETUA EDITOR
Haji Abdul Rahman Yusof
rahman @ dbp.gov.my

EDITOR
Che Zainab Omar
chezai @ dbp.gov.my

PENOLONG EDITOR
Huznah Sait
huznah @ dbp.gov.my
Jaafar Hamdan

SIDANG EDITOR
Idros Samsudin
Jiso Rutan
Nasruddin Abdullah
Jaraiee Sawal
Zasran Abdullah
Hazami Jahari
Jonathan Singki Lintan
Abang Patdeli Abang Muhi

EDITOR BERSEKUTU
Haji Jeli Bohari Biha (Miri)
Drs. Jarkasi (Kalimantan Selatan)
Dr. Chairil Effendi (Kalimantan Barat)
Drs. H.A. Rizani Asnawi, MPA (Kalimantan Timur)

PELAPOR
Awang Zaidel Awang Jamil

JURUTAIP
Unit Jurutaip

PEREKA HALAMAN
Awang Kelana Awang Hassan
Mohd. Khairin Abdul Malek

PEMBACA PRUF
Rosani Hiplee

PENGEDARAN
Adenan Junaidi



PENGERUSI
Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar

KETUA PENGARAH
Dato' A. Aziz Deraman

TIMBALAN KETUA PENGARAH
Haji Abu Bakar Mohamed

PENGARAH PENERBITAN
Dr. Anwar Ridhwan

PENGARAH KHIDMAT SOKONGAN DAN TEKNIKAL
Haji Abdul Razak Abdul Aziz

KETUA BAHAGIAN REKA BENTUK
Mohammad Ali

PENERBIT
Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak
Peti Surat 1390
93728 KUCHING, SARAWAK

Tel : 082 — 44471
Faks : 082 — 444707
Emel : dbpsar@po.jaring.my

PENCETAK
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Tun Abang Haji Openg
93554 Kuching.

Pencetak

Jendela Sarawak diterbitkan setiap empat bulan sejak awal bulan Ogos 2000. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian Dewan Bahasa dan Pustaka.

Daripada EDITOR

DENGAN keluaran yang keempat ini kita sudah pun berada kira-kira lapan bulan dalam alaf baru tahun 2001. Terasa benar masa itu begitu cepat berlalu. Namun kita bersyukur kerana dalam tempoh tersebut, kita sempat juga menyaksikan pelaksanaan beberapa kegiatan penting-pementasan Opera Ayu Cendana pada bulan Mei, Pertandingan Forum Remaja (peringkat Zon dan Negeri) pada bulan April-Jun, Pertandingan Forum Pelajar pada bulan Julai, Hari Sastera XII (sekadar menyebut beberapa contoh). Semoga pengalaman, baik semasa melaksanakan mahupun semasa menyertai kegiatan-kegiatan

tersebut, dapat memperlengkapkan kita untuk mendepani kegiatan-kegiatan seterusnya - antaranya Pertandingan Forum Remaja peringkat Kebangsaan dan Hari Sastera pada bulan Ogos, Bulan Bahasa dan Sastera pada bulan September serta Majlis Penyampaian Anugerah Sastera Negeri Sarawak pada bulan Oktober/November dengan lebih yakin dan bersedia lagi.

Bagaimana pula agaknya dengan penerbitan Jendela Sarawak sendiri? Apakah kita (sudah) berpuas hati dengan jenis dan bentuk bahan yang disiarkan, penyampaian dan format persesembahannya, kekerapan disiarkan dan sebagainya? Ada atau tidak cara

untuk meningkatkan atau memperbaiki lagi mutu penerbitannya supaya lebih memenuhi citarasa pembaca dan pada masa yang sama tidak pula mengorbankan tujuan asal penerbitannya? Soalan-soalan ini perlu kita fikir dan cari jawapannya bersama jika kita mahu melihat Jendela (sentiasa) dapat dan mampu membawa masuk cahaya dan udara pengetahuan yang baru, segar lagi menyeronokkan! Barangkali tiga keluaran yang pertama dapat sedikit sebanyak membantu kita mengkaji dan menilai kekurangan maupun kelebihan yang ada. JS

surat pembaca

Edaran Terhad dan Lambat

Saudara Editor,

Tahniah diucapkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka kerana berjaya menambahkan ruang untuk para pencipta dunia penulisan berkarya. Penerbitan *Jendela Sarawak* merupakan satu lagi alternatif kepada penulis untuk dijadikan wadah penyebar idea. Kehadiran *Jendela Sarawak* diharap dapat membantu penulis dan peminat sastera seperti saya untuk terus mengenali dunia penulisan.

Namun apa yang ingin saya nyatakan ialah keterkilanahati saya kerana seringkali terlepas untuk memiliki makalah ini. Saya difahamkan bahawa *Jendela* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Sarawak serta Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dan Timur. *Jendela Sarawak* dan *Jendela Timur* dapat saya miliki atas ehsan seorang rakan yang kerap mengunjungi kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetapi Jendela Utara dan Sabah tidak dapat dibekalkan kerana menurut rakan tadi, orang dalam pun susah nak dapat.

Walau apa pun alasan Dewan Bahasa dan Pustaka, makalah yang menjadi edaran "percuma" itu haruslah diedarkan kepada peminatnya. Saya kira para penulis, pelajar IPT maupun sekolah adalah antara mereka yang gembira mendapat terbitan berkenaan kerana ilmu yang terkandung di dalamnya. Diharap *Jendela* ini tidak akan terperuk dalam stor seperti buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang lain. Sekian. JS

Amy

Mukah.

Wawancara Bersama

DATO' ABANG JOHARI TUN ABANG HAJI OPENG

BUKU sebagai penyumbang pengalaman dan kematangan itu adalah antara intipati ikatan kata Menteri Pelancongan Sarawak, Y.B. Dato' Abang Johari Tun Abang Haji Openg tentang betapa pentingnya buku kepada seseorang individu. Ia juga menggambarkan betapa pentingnya buku bagi meluaskan ilmu dalam pelbagai bidang, selain sebagai pendorong kepada kehidupan yang lebih sejahtera. Ikutilah wawancara Sdr. Jeniri Amir bersama-sama Y.B. Dato', yang berlangsung di pejabatnya, di Tingkat 20, Menara Pelita, Petra Jaya. Sdr. Jeniri telah berjaya menyelami profil pembacaan Y.B. Dato' serta mengupas pandangannya mengenai keperluan membaca, dan pemupukan minat membaca di kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

Buku terbaru yang Dato' beli dan baca?

Buku terbaru yang saya baca adalah mengenai globalisasi. Tajuknya *The Lexus and The Apple Tree* oleh Thomas Friedman. Penulis banyak menulis rencana tentang politik dan ekonomi dalam *New York Times* dan pernah berkhidmat di Eropah dan di rantau Asia.

Apa menariknya buku itu?

Buku itu menarik kerana persoalannya. Dalam buku ini, penulis menimbulkan persoalan mengenai perubahan demografi dan masyarakat dunia, selepas jatuhnya tembok Berlin - bermakna selepas era perang dingin di antara Barat dan negara-negara Timur. Beliau juga menghuraikan pentingnya rangkaian ekonomi yang dikuasai oleh mereka yang mempunyai kuasa dalam bidang ilmu, khususnya ICT yang kini dapat digambarkan apabila jatuhnya beberapa nilai mata wang Eropah yang disebabkan oleh pelaburan yang diusahakan oleh pihak pengurusan dana. Dan apabila wang ini mengalir dengan begitu cepat, maka ia menjelaskan struktur ekonomi dan politik sesebuah negara.

Signifikannya buku itu kepada Dato'?

Buku itu banyak memberi imput baru kepada saya. Kerana selain perkara di atas, ia juga mengupas tentang keperluan sesebuah masyarakat itu dalam menggunakan pelbagai teknologi-teknologi moden yang boleh mempercepatkan pembuatan keputusan perkara yang penting. Maknanya, dimensi politik dan ekonomi dunia akan berubah. Cadangan ini juga mengasingkan sama ada kita negara maju, negara sedang membangun ataupun negara miskin, dan ia merupakan satu dimensi yang agak berbahaya. Kalau tidak ada

isu atau elemen perikemanusiaan, dunia akan dikuasai oleh mereka yang mempunya i kelebihan dalam sumber ilmu. Buku itu saya rasa akan menjadi pembuka mata kepada mereka yang mengurus hal ehwal negara, dan lagi ke manakah arah tuju masyarakat yang akan dibawanya.

Jenis buku yang Dato' baca?

Buku-buku yang selalu saya baca, kebanyakannya mengenai sejarah dan yang ada hubung kait dengan corak kehidupan masyarakat. Maknanya yang meliputi bidang ekonomi dan juga sosiobudaya.

Cara khusus Dato' memilih buku atau mengambil keputusan untuk membeli dan membacanya?

Selalunya saya melihat latar belakang penulis. Kedua, kandungannya. Kalau kandungannya relevan dengan dengan cara saya hendak menambahkan ilmu dan maklumatnya boleh saya hubungkaitkan dengan kerja saya untuk mengangkatkan keadaan masyarakat kita, saya akan membacanya. Selain itu, selalunya buku ini ada analisis yang khusus kalau kita bandingkan dengan rencana yang kita baca dalam majalah. Dan selepas itu, apabila melihat kandungannya, dan latar belakang penulis, selalunya saya juga akan membuat kupasan saya sendiri, selepas saya membaca.

Adakah jawatan Dato' mempengaruhi jenis buku yang dibaca?

Saya banyak memilih buku yang saya rasa agak relevan dengan minat saya. Kedua, yang dapat memberikan saya maklumat bagi membantu kerjaya saya. Sebab itu saya selalu membaca buku yang menceritakan tentang masalah masyarakat dan juga dimensi, kaedah-kaedah politik dan ekonomi yang boleh membawa kepada kebaikan dan keburukan masyarakat itu sendiri, contohnya buku *Wealth Creation*. Buku itu juga menceritakan tentang globalisasi. Satu lagi buku yang saya baca kini ada menceritakan peranan bank-bank pusat Eropah khususnya Bank of England, seterusnya Central Bank of Germany dan Federal Reserve dalam menangani



masalah mata wang pada tahun 1997. Jadi ini satu bahan bacaan yang memberikan dimensi baru dan pengajaran kepada kita.

Selain buku-buku berat - bercorak intelektual-adakah Dato' menyeimbangkannya dengan membaca majalah atau buku-buku ringan yang lebih bercorak misteri dan hiburan?

Saya tidak banyak membaca buku novel. Saya tidak tahu. Dari dulu, saya tidak berapa minat melainkan novel itu betul-betul mempunyai cerita bukan fiksyen, iaitu berdasarkan suatu peristiwa yang benar-benar berlaku. Entah mengapa saya tidak berapa minat dengan novel, saya tidak tahu. Majalah-majalah yang saya baca ada yang berunsur hiburan sedikit.

Antara majalah-majalah yang Dato' baca?

Majalah yang saya baca antaranya *Fortune*, *Business Week*, *Time*, *Asiaweek*, dan majalah-majalah kita sendiri seperti *Dewan Masyarakat*.

Tabitat Dato' ketika membaca?

Sebenarnya saya tidak ada masa yang khusus untuk membaca. Selalunya saya membaca pada waktu lapang, waktu petang, malam dan semasa berada dalam kapal terbang. Inilah antara masa saya membaca. Saya biasanya akan menandakan perkara yang penting dengan dakwat sebagai rujukan kemudiannya. Ada juga buku yang saya ulang baca sehingga tiga kali. Antaranya buku yang ditulis oleh Hamka. Buku Hamka ada banyak, dan banyak pula yang diulang cetak,

apatah lagi kalau buku itu mengenai Islam.

Dalam memupuk minat membaca, siapakah yang memainkan peranan besar?

Sebenarnya budaya ini harus dipupuk sejak dari kecil lagi. Kalau dulu waktu di sekolah rendah, di Kuching ada satu dua sahaja tempat untuk membaca. Salah satunya di perpustakaan dekat muzium yang dulu dikenali sebagai The British Council. Dan saya ada membaca majalah pada waktu sekolah rendah dahulu, iaitu majalah *Dolphin* terbitan Borneo Literature Bureau (BLB)...selepas itu minat membaca dari

kecil ini terbawa-bawa hingga ke dewasa. Orang tua saya banyak mempengaruhi tabiat membaca saya. Orang tua saya pun selalu membeli buku yang saya suka baca. Dia pun baca buku. Dia banyak baca kitab jadi saya pun ikut juga. Jadi dari sinilah budaya dan minat untuk menambahkan ilmu itu disemai.

Jadi Dato' anggap minat yang disemai semasa kecil itu penting?

Penting. Minat ini mesti dari kecil. Kalau dari kecil anak kita tidak didebak dengan buku, saya rasa minat itu tidak ada. Suka membaca itu kita mesti mempunyai minat. Kalau tidak ada minat bayangkan, harga buku sekarang agak mahal juga, dan kalau kita tidak ada duit kita tidak akan dapat membelinya. Kalau ada duit, kita gunakan untuk membeli barang lain. Kita pergi ke kedai buku, tidak semestinya kita beli, mungkin kita tengok sahaja.

Saya perhatikan Dato' mempunyai perpustakaan di rumah?

Ya, ada. Saya tidak tahu jumlah buku yang saya ada. Tetapi sekarang tempatnya sudah tidak mencukupi. Dan saya serta rakan-rakan juga selalu saling bertukar dan meminjam buku. Dan kebanyakan buku yang ada di rumah saya adalah yang berunsur sejarah, ekonomi, agama, dan sebagainya. Ada yang saya beli di Singapura. Kalau saya pergi ke luar negeri, saya mesti singgah di kedai buku. Saya juga singgah di kedai buku terpakai, untuk membeli buku-buku lama, yang susah hendak dicari. Di Kuala Lumpur, saya pergi ke kedai

buku di KLCC - rangkaian MPH, dan di Jalan Tunku Abdul Rahman.

Apakah kepentingan buku dalam hidup seseorang?

Penting. Ia memang amat penting. Tanpa buku kita tidak mengetahui isu-isu ataupun masalah/kedua-duanya yang kita hadapi sekarang ini. Kalau ada buku, setidak-tidaknya kita melihat kupasan daripada seorang penulis. Dan mungkin kupasan penulis itu baik dan mungkin juga tidak baik. Kita tidak semestinya menerima sesuatu kupasan itu secara total. Kita perlu juga mengupas tajuk-tajuk atau isu yang dibincangkan oleh penulis itu dari perspektif kita. Ia adalah satu proses menambah ilmu.

Dari segi kematangan, keintelektualan, rasional atau apa?

Ia menjadi satu imput untuk kita memproseskan sesuatu masalah yang mungkin kita sendiri hadapi kerana kita boleh bersandarkan kepada pengalaman yang diceritakan dalam buku sebagai cara kita mengatasi masalah itu. Masalah ini sama ada masalah peribadi ataupun masalah yang melibatkan masyarakat secara total. Kadang-kadang, peristiwa yang berlaku itu sama dengan yang terdapat dalam buku yang kita baca. Jadi kita boleh aplikasikan ilmu yang kita baca itu kepada masalah yang kita hadapi pada masa kini ataupun pada masa akan datang. Justeru itu kita hendaklah mempunyai maklumat yang terkini untuk mengatur diri dan langkah kita untuk masa hadapan. Jadi membaca buku adalah sangat penting.

Tema Bulan Membaca tahun ini ialah 'Membaca Memerdekaan Minda'. Kalau boleh Dato' tafsirkan. Itulah yang saya katakan tadi, memerdekaan minda maknanya cara pendekatan kita hendaklah berteraskan maklumat yang kita sudah dapat. Atau pun maklumat yang ada pada kita, kita kupaskan supaya kita mempunyai pendekatan yang tersendiri. Memerdekaan minda maknanya kita mempunyai pendekatan kita sendiri daripada kupasan maklumat yang kita terima. Hal ini bermakna pendekatan kita adalah tidak berubah kerana kita tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur yang lain. Kalau bahan kita banyak dari semua sudut-multidimensi- maknanya pendekatan kita adalah agak global.

Kata-kata Dato' mengingatkan saya dengan kata-kata Lord Bacon; Reading maketh a full man. Jadi apa implikasinya terhadap individu, masyarakat dan negara apabila individu atau masyarakat tidak membaca?

Kalau masyarakat itu tidak minat membaca, maknanya masyarakat itu

tidak terdedah kepada pendebatan intelektual dari semua sudut, sama ada dari sudut penulis tempatan, penulis Barat, ataupun penulis-penulis yang mempunyai latar belakang yang berlainan. Dan kalau keadaan ini berlaku, bermakna kupasan mereka agak *stagnant* dan tidak begitu meluas. Dan kalau kupasan itu tidak meluas, khususnya bagi mereka yang memimpin, mereka akan mempunyai sikap kepimpinan yang mungkin tidak relevan dan sesuai dengan keadaan yang berubah dalam dunia ini. Maknanya, dalam hubungan ini, kalau kita baca mengenai empayar Jepun sewaktu kuasa Meiji, kita lihat empayar Jepun berada di tingkat atas, mereka mempunyai keupayaan untuk berperang, selepas itu jatuh, kemudian bangun lagi dengan tekanan yang diberi kepada pembangunan industrialisasi. Itu Jepun. Pemimpin Jepun saya anggap telah sampai ke tahap demikian disebabkan pendedahan dari mula pemerintahan Jepun di bawah kuasa Meiji. Kita tahu keadaan di negara Jepun, mereka menghantar orang Jepun ke Barat untuk mendapatkan ilmu, selepas itu kita lihat bagaimana Jepun berkembang. Begitu jugalah dengan kita sekarang ini.

Negara maju seperti Jepun, Amerika, Korea Selatan begitu banyak menghasilkan buku. Amerika kira-kira 55,000 tajuk baru, Jepun di sekitar 33,000 setiap tahun dan purata mereka membaca 80 muka surat setahun. Tetapi mengikut kajian di Malaysia, jumlahnya begitu sedikit. Jadi apa agaknya faktor yang menyebabkan kurangnya minat membaca di kalangan rakyat Malaysia, sedangkan mereka sudah terdidik? Saya tidak tahu tentang hal ini. Satu daripada sebabnya saya rasa ialah budaya. Kadang-kadang kita boleh lihat hal ini selepas kita keluar dari universiti. Di universiti, kita membuat tugas. Dalam membuat tugas, kita rujuk beberapa buku yang direkomenkan oleh pensyarah. Kita baca. Selepas itu kita buat tugas, saya rasa itu sahaja kerana kita telah dapat memenuhi syarat tugas kita. Begitu juga kita hendak mendapatkan sijil kerana kita ada peperiksaan; peperiksaan kita berdasarkan tugas dan juga tesis. Kita buatkan tesis, dan kita berikan tesis atau tugas kita kepada pensyarah. Selepas kita mendapat markah, habislah. Apabila keluar dari kampus, mungkin disebabkan oleh masa yang tidak ada, jadi minat membaca itu tidak ada kerana kita sudah memenuhi keperluan kita. Sebab itu, pentingnya kita mesti ada minat. Keduanya, setelah kita keluar dari dunia yang berkehendakkan kita membaca, kerana selepas itu, kupasannya ialah di dalam kampus membaca buku adalah satu mandatori manakala di luar kampus ia adalah sukarela. Selalunya apabila secara sukarela, tidak ada satu tuntutan untuk kita membaca buku. Baca pun begitu

juga, tidak membaca pun begitu juga.

Tetapi bukankah sepatutnya membaca dan belajar itu dilakukan sepanjang hayat?

Kalau negara kita mempunyai rakyat yang mempunyai budaya suka membaca dan kita anggap ilmu ini daripada kita lahir hingga ke liang lahad, maka proses membaca merupakan proses untuk mendewasakan diri. Ini bermakna kalau kita mempunyai pendekatan sedemikian - mendewasakan diri — dan kita sudah melengkapkan diri kita dengan maklumat yang terkini dan kita rasa membaca ini ialah satu proses yang panjang dan kita perlu terus membaca. Walau apapun ia berkisar kepada minat. Bahan yang dibaca terpulanglah kepada minat masing-masing tetapi sekurang-kurangnya ada satu bidang yang diminat tetapi maklumatnya sentiasa boleh digunakan.

Apabila bercakap soal minat, begitu banyak rancangan, langkah, kegiatan malah wang yang telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk memupuk minat budaya membaca di kalangan masyarakat. Tetapi saya perhatikan minat itu hanya di kalangan pelajar di bangku sekolah, seperti kata Dato' tadi, manakala di kalangan masyarakat pada umumnya masih belum lagi begitu nampak minatnya.

Saya rasa kalau kita tekankan betapa pentingnya membaca untuk menambah ilmu, sebagai persiapan kita menghadapi cabaran hidup, rakyat atau masyarakat mesti minat membaca. Tetapi kalau masyarakat tidak mempunyai teras, kadang-kadang minat itu mungkin tidak ada. Kerana budaya kita banyak dipengaruhi oleh hiburan, dan hiburan ini mungkin salah satunya boleh didapati melalui membaca. Kalau kita mempunyai satu keadaan yang kita suka dengan hiburan, dan kepada interaksi intelektual atau interaksi perdebatan, maka seseorang itu mungkin mempunyai keinginan untuk membaca.

Apakah peranan keluarga dari segi pembacaan?

Ya, keluarga memainkan peranan penting. Sebab itu saya katakan minat membaca perlu dari mula, dari kecil. Kalau sesebuah keluarga itu minat membaca, saya ingat anaknya mesti ikut. Sebab yang kita baca ini ialah bahan yang agak menarik dan kita cerita kepada anak, dan saya ingat selepas itu mungkin interaksi antara kita dan anak, dalam satu keadaan pendebatan dan wacana ilmu antara bapa dan anak. Saya ingat anak pun akan mempunyai satu pendekatan yang serupa. Umpamanya, kalau ada masalah yang berkaitan dengan agama, kita bawa kitab, kita baca, dan selepas itu kita cerita kepada anak, selepas itu, kalau anak tidak bersetuju kita beli buku lain, suruh anak baca. Dari situ, membaca boleh merapatkan

silaturrahim antara anak dan orang tua, dan dari situ juga akan wujud persefahaman antara orang tua dan anak. Dan secara tidak langsung anak itu akan terus membaca buku. Saya percaya, kita sudah dapat memupuk minat dan apabila keluar kelak, saya percaya anak ini keluar dengan pandangan tersendiri.

Bagaimana perpustakaan keluarga dapat memainkan peranan?

Memang. Kita beri duit kepada anak, dan cabar dia beli buku. Apabila anak kita beli buku itu, baca dan ajak dia berhujah tentang buku itu. Masing-masing beri pandangan. Tapi perlu tahu hubungan anak dan bapa, perlu ada hadnya. Ini bermakna buku yang dibelinya itu akan menjadi naskhah buku yang dapat kita tambahkan dalam perpustakaan keluarga.

Tetapi masalahnya sekarang Dato', kurangnya minat daripada masyarakat kita untuk membina perpustakaan keluarga. Adakah kerana prioriti yang salah?

Prioriti yang salah. Masyarakat kita mempunyai prioriti yang lain. Umpamanya, keperluan buku. Kita selalu beli yang lain sebelum buku. Kita sepatutnya seimbang, mengikut budget yang kita ada, tetapi setidak-tidaknya kita mesti beli buku. Kalau tidak beli buku yang berkulit tebal, kulit nipis. Kalau tidak kulit nipis, buku terpakai pun kita boleh beli. Kadang-kadang waktu kita lapang, khususnya hujung minggu, kalau tidak ada orang kahwin, kita boleh ambil dan baca.

Kebanyakan masyarakat kita masih tidak menganggap membaca ini sebagai keperluan asas dalam hidup seperti makan minum.

Itu yang saya katakan tadi bahawa ia belum menjadi budaya. Kalau sudah menjadi budaya, akan timbul minat untuk membaca

Apakah kerana kurangnya budaya membaca ini menyebabkan prestasi pelajar kita tidak cemerlang?

Memang.

Termasuk di universiti?

Mungkin. Pada zaman saya dahulu, adalah wajib untuk lulus Kertas Am. Kertas Am ini ialah subjek yang agak susah kerana kita perlu mengarang esei, dan esei ini meliputi subjek yang agak luas. Kalau kita banyak membaca buku barulah esei kita boleh *substance*. Kalau tidak ada *substance*, esei kita sudah tentu tidak mempunyai bahan. Kalau diberikan satu-satu subjek kita boleh rujuk kepada perkara-perkara yang pernah kita baca dahulu. Umpamanya, pengalaman saya sendiri. Dahulu apabila esei yang mengkehendaki kita menulis mengenai tokoh-tokoh pejuang di Asia Tenggara, saya mengambil Mahatma Gandhi sebagai tokoh saya. Nasib baik saya ada membaca buku tentang Mahatma Gandhi. Bermula daripada beliau berjuang di Afrika Selatan,

kemudian berhijrah balik ke India, kemudian bersama-sama rakannya Nehru berjuang menuntut kemerdekaan yang membawa kemerdekaan bagi India. Kalau saya tidak baca tentang tokoh pejuang Asia, mungkin esei saya tentang tokoh pejuang Asia, tidak bagus.

Selain mendapat markah yang baik dalam peperiksaan, bagaimanakah bahana bacaan ini telah mencorakwarnakan perwatakan, kehidupan, pandangan dan weltanschauung Dato'?

Memanglah. Kalau kita dari awal seperti yang saya katakan tadi sudah membaca buku-buku yang bercorak sejarah, sosiobudaya masyarakat, pengurusan masyarakat atau pengurusan negara, sudah tentu kita membawa satu teras untuk kita menghadapi cabaran hidup dalam kerjaya kita. Secara kebetulan saya dalam politik, mungkin apa yang saya baca itu menjadi satu pengajaran atau maklumat bagi saya menghadapi kerjaya saya sebagai ahli politik. Dan kalau kita tidak membaca buku, kita tidak tahu tentang strategi, pandangan, visi, langkah-langkah jangka panjang dan pendek serta berbagai-bagai lagi.

Katakan Dato' dihantar ke sebuah pulau, tidak ada sistem telekomunikasi dan tidak dibenarkan menonton tv dan sebagainya, apakah antara tajuk buku yang akan Dato' bawa?

Soalan ini pernah ditanya kepada presiden Nelson Mandela, sewaktu beliau hendak dihantar ke pulau, tempat dia dipenjarakan. Katanya, selain bersenda dengan pegawai-pegawai di penjara, beliau membaca buku yang berkisar tentang perjuangan nasionalisme waktu itu selain buku undang-undang. Selain itu, membaca buku tentang dasar aparteid, pembangunan sosiopolitik yang ada di Eropah dan juga di Afrika ketika itu. Maknanya beliau membaca buku dalam berbagai-bagai bidang. Dan bagi saya, saya akan baca buku apa yang saya minat. Mesti yang saya minat, kalau tidak, buku itu akan membosankan saya. Amat membosankan. Kalau buku ini membosankan..kering, apakah lagi kita tidak dapat berkomunikasi dengan orang lain, tentunya hal ini menambahkan lagi kerungsingan kita.

Mungkin pada waktu itulah Dato' akan membaca novel?

Mungkin!

Buku apakah yang memberikan kesan yang paling mendalam kepada Dato'?

Susah hendak saya katakan. Kerana semua buku itu memberi kesan tersendiri kepada saya, baik secara langsung ataupun tidak. Seperti buku Thomas Friedman yang saya baca sekarang, *The Lexus And The Apple Tree*, ada hubung kait dengan Soros, peranan pengurusan dana, masalah IT, bahkan menyentuh tentang buku yang

ditulis oleh Bill Gates, *Business at a speed of thought*. Ia juga memuatkan tentang apa yang berlaku di Indonesia sekarang ini, apa yang dihadapi oleh Suharto, Habibie dan Gus Dur kerana buku itu baru keluar tahun lepas. Selain itu cara Malaysia menangani masalah ekonomi pada tahun 1997 dengan mengawal nilai mata wang dan perdebatan antara Perdana Menteri kita dengan Soros di Hong Kong, semuanya ada di dalam buku itu. Dari segi itu, dapatlah kita menilai pendapat masing-masing.

Penulis yang Dato' paling minati?

Susah saya hendak katakan, tetapi saya ada banyak buku Naisbitt, Kenichi Ohmae (*The Borderless World*), Peter Drucker..dan banyak lagi, selain buku penulis tempatan.

Apa harapan Dato' kepada masyarakat kita sejauh yang berkaitan dengan budaya membaca ini?

Sekarang ini, banyak buku dalam bahasa Melayu, dan Dewan Bahasa dan Pustaka pun banyak mengeluarkan buku-buku yang berkaitan dengan sosiobudaya di Asia Tenggara. Sekarang, saya tengok, apabila Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan diskon jualan gudang (kerana rumah saya dekat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka) tidak banyak orang yang datang. Ini menggambarkan minat. Di tempat lain orang berpusu-pusu hendak membeli buku, diskon sehingga 70 peratus. Sebab itu saya buka pusat sumber di kawasan saya. Saya lihat orang tua yang banyak datang membaca buku dan juga baca suratkhabar.

Apa untungnya membaca (termasuk orang tua) dalam konteks pembangunan negeri?

Banyak membaca bermakna ia banyak ketelusan. Apabila ketelusan ada, mereka boleh memikirkan apa yang baik dan apa yang buruk. Setidak-tidaknya dia tahu apa yang berlaku dan menapis antara kebenaran dan kepaluan. Itulah yang saya tekan kepada pusat sumber di kawasan saya, iaitu di Kampung Patingan dan yang di Yayasan Budaya Melayu Sarawak. Dan saya sendiri selalu membekalkan buku di sana.

Jadi, agak pentinglah kalau dapat di Sarawak setiap kawasan mempunyai pusat sumber atau perpustakaannya sendiri?

Ya. Setiap kawasan mesti ada perpustakaan. Dan ini mendorong pada pertumbuhan minat. Saya tengok kalau pagi banyak orang tua, petang penuh dengan budak sekolah. Dan kalau saya ke mana-mana, saya beli buku, dan saya tidak ada tempat untuk menyimpannya, saya akan letakkan di pusat sumber itu. JS

Sarawak Tuan Rumah Forum Remaja Peringkat Kebangsaan 2001

oleh Abang Haliman Abang Julai

PERTANDINGAN Forum Remaja telah masuk tahun ke-12 pada tahun ini. Sejak dimulakan pada tahun 1989, penyertaan sekolah menengah kebangsaan dalam pertandingan ini semakin meningkat. Kini pertandingan ini telah menjadi pertandingan yang dinanti-nantikan oleh semua sekolah menengah dan menjadi salah satu kegiatan kurikulum yang diterima oleh Kementerian Pendidikan.

Sarawak pada tahun ini telah diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah pertandingan Forum Remaja Peringkat Kebangsaan untuk kali keduanya. Pertandingan peringkat separuh akhir telah diadakan pada 6 Ogos 2001 di dua pusat pertandingan iaitu di Auditorium Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak. Pertandingan peringkat akhir pula diadakan di Dewan Suara, Kuching pada 8 Ogos 2001. Sebanyak 15 buah sekolah dari seluruh negara menyertai pertandingan pada tahun ini.

Pertandingan yang berwahanan bahasa Melayu baku dengan harapan akan melahirkan generasi baru yang lebih peka dan prihatin pada bahasa Melayu ini bertujuan mewujudkan dan menyediakan suasana penggunaan bahasa Melayu baku di kalangan pelajar sekolah, dan akhirnya akan melahirkan suatu model penggunaan bahasa baku, iaitu bahasa yang sempurna dari segi penggunaan tatabahasa, sebutan dan gaya.

Forum sebegini dapat menyediakan suasana penggunaan bahasa Melayu baku di kalangan pelajar sekolah di samping tradisi ilmiah para pelajar akan terserlah



Para pemenang Forum Remaja Peringkat Kebangsaan 2001 bergambar beramai-ramai.

apabila mereka dapat mengemukakan pemikiran dan pendapat dengan berasas dan sempurna dengan menggunakan bahasa baku. Selain itu, Forum Remaja juga dapat mengembangkan ilmu pengetahuan pelajar serta membina keintelaktualan berhujah dalam usaha melahirkan generasi yang progresif dan berwibawa

Ketua Menteri Sarawak, Y.A.B. Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Abdul Taib Mahmud dalam ucapan perasmian berkata bahawa remaja masa kini yang akan mewarisi kepimpinan negara perlu didehdahkan dengan ilmu dalam pelbagai disiplin terutama teknologi maklumat dan sekarang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Cabaran globalisasi juga menuntut remaja kita

mempunyai jati diri dan ketahanan mental yang tinggi berasaskan keimanan yang kuat supaya mereka dapat menerapkan ilmu yang berguna dan menolak unsur-unsur yang tidak berfaedah yang dihasilkan oleh globalisasi.

Namun, jika remaja hanya mempunyai ilmu yang tinggi tanpa kemahiran berkomunikasi, maka agak payah juga ilmu itu dapat dikongsikan bersama masyarakat terutama apabila remaja ini satu hari kelak menjadi pemimpin. Kebolehan berpidato ialah salah satu sifat yang perlu ada pada tiap-tiap orang yang mahu menjadi pemimpin masyarakat atau pemimpin negara, kerana seseorang pemimpin itu mahu tidak mahu akan selalu berhadapan dengan orang ramai atau dengan kumpulan-kumpulan pengikut dan penyokongnya untuk menyatakan pendirian, dasar, idea atau pendapatnya tentang pelbagai perkara dan masalah untuk disoroti, diterima atau difikirkan oleh orang lain.

Oleh itu, Y.A.B. Ketua Menteri berpendapat berforum merupakan salah satu wadah yang berkesan bagi mempersiap remaja supaya mereka boleh berhujah secara kritis, menyampaikan idea dengan baik terutama dalam bahasa kebangsaan dan berani berdepan dengan khalayak ramai.

Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Y.B. Datuk James Jemut Mansing. Dato' Haji Aziz Deraman, Ketua Pengarah DBP dalam ucapan alu-aluannya berharap Forum Remaja tidak sekadar dianggap suatu pertandingan semata-mata, malah

SMK Agama Nibong Tebal, Pulau Pinang telah menjadi johan. Tempat kedua pula dimenangi oleh SMK Marudi, Baram, Sarawak dan tempat ketiga SMK Sains Selangor, Cheras Kuala Lumpur. Semua pemenang menerima sebuah Piala, wang tunai, piala irigan, buku DBP dan sijil. Mohd. Ashraf Maudi Saad dan Tarmizi Md. Shariff dari Sekolah Kebangsaan Nibong Tebal, Pulau Pinang masing-masing diumumkan sebagai Pemforum dan Pengurus terbaik yang menerima hadiah berupa wang tunai RM150.00, piala irigan, buku terbitan DBP dan sijil.

Forum Remaja Peringkat Kebangsaan ini dianjurkan oleh DBP, Persatuan Linguistik Malaysia, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Adalah diharapkan pertandingan seperti ini dapat menyemarakkan semangat para peserta untuk melengkapkan diri dalam pelbagai isu dan masalah semasa yang mencakupi bidang ekonomi, sosial, politik dan teknologi maklumat, di samping meningkatkan penguasaan berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Kerajaan Negeri Sarawak, Pusat Pungutan Zakat dan Petronas Nasional Berhad merupakan penaja utama program ini.

Turut mengiringi Y.B. Datuk James untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Tuan Haji Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah DBP Malaysia, Encik Mohamed Haji Sabil, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, dan Tuan Haji Abdul Rahman Yusof, Pengarah DBP Cawangan Sarawak. Majlis ini juga dihadiri oleh beberapa orang ADUN Negeri Sarawak, ketua-ketua jabatan, pengetua sekolah, guru-guru dan para pelajar. JS



T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Muhammad Sallehuddin hadir di Majlis Forum Remaja peringkat negeri Sarawak 2001.




Y.B. Datuk James Jemut Mansing menyampaikan hadiah kepada juara Forum Remaja peringkat kebangsaan 2001, SMKA Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Opera Ayu Cendana

Pertemuan yang Belum Mutlak

oleh Zakaria Hassan



Fauziah Nawi dan Bohari Ibrahim dalam teater Opera Ayu Cendana.

KATA Fauziah Nawi, dalam randau teater *Opera Ayu Cendana* (OAC) 27 Mei 2001 di Balai Budaya, Dewan Bahasa Pustaka Kuching, "Pertemuan Itu Bersyarat". Pengalaman Fauziah Nawi selama hidup berteater menemukannya dengan berbagai-bagi pengalaman kisah jatuh cinta dan putus cinta yang memperkuatkan lagi dirinya untuk terus berteater. Bagi mana-mana kerabat teater di Kuching yang hadir pada sidang randau bersama-sama pengarah dan pelakon teater yang tidak asing ini melengkapi pengalaman yang pelbagai yang dirasai oleh mereka khususnya. Beliau mula berlakon ketika usia 19 tahun. Sekarang usianya sudah menjangkau 50 tahun. Barangkali rasa cinta yang mengawetkan wajahnya kerana rasa cinta melahirkan rasa indah yang tiada tara bagi yang mengalaminya. Kalau tidak kerana OAC kemungkinan soal cinta mungkin menjadi tajuk yang lebih menarik untuk dibincangkan pada pagi minggu yang sesuai untuk bermalas-malas itu. Pengalaman ketika berada di RTM dan perkenalan dengan penyair Indonesia Bung Latif Husni yang bertugas di Suara Malaysia-Indonesia sekitar tahun 1986 menjadikan Fauziah lebih berani untuk meneroka satu bidang yang belum pernah diceburinya, menulis skrip. Katanya dia mempunyai satu tabiat buruk apabila satu-satu skrip berada ditangannya iaitu kecenderungan untuk mencincang dan mengatur laras dan meletak semula kata-kata dialog untuk disesuaikan dengan tabiat pertuturan asalnya. Kecenderungan ini terus menggalak beliau untuk mengindahkan dialog dalam man-a-mana peranan yang diterimanya. Bung, gelaran intim untuk Allahuhyarham Bung Latif Husni, merupakan satu-satunya orang yang memberi inspirasi kepada

Fauziah untuk menulis skrip OAC.

Pada tahun 1994, dalam satu majlis makan malam anjuran Yayasan Pahang, ditakdirkan Fauziah mendengar seorang penyanyi separuh umur menyanyi dengan merdu sekali lagu *Penggodaan* yang pernah dipopularkan oleh allahuhyarhamah seniwati Normadiyah. Peristiwa itu telah meninggalkan kesan yang sungguh mendalam dalam dirinya dan ditambah lagi apabila diberitahu bahawa mak cik tersebut pernah menjadi primadona bangsawan yang terkenal. Bersama-sama Bung dia mula mencipta sejarah dalam perjalanan yang panjang untuk merealisasikan OAC. Sebenarnya kembara OAC umpama perjalanan hidup mak cik tadi. Selama hampir tujuh tahun OAC mengalami proses embrionik yang menguji kemampuan tokoh teater ini. Terseret ke mahkamah kerana tuduhan memplagiat hasil karya orang lain, terdorong menulis skrip drama tv pertama sendiri iaitu *Baju Pengantin Kak Long* untuk TV3, dan akhirnya berjaya menyiapkan *Opera Ayu Cendana* menjadi sebuah produksi teater yang berjaya untuk dibawa keliling sehingga ke Sabah dan Sarawak dalam tahun 2001 ini adalah pertemuan yang penuh dengan syarat-syarat yang pasti ditunaikannya. Pada akhir ungkapan Mak Cik Ju di penghujung cerita OAC terulang *pertemuan itu bersyarat, perpisahan itu mutlak* bagi mengenang pengaruh Bung Latif Husni yang begitu besar dalam diri Fauziah Nawi.

Pementasan OAC di Balai Budaya pada 26-27 Mei 2001 membawa kesan yang berbeza pada penggunaan ruang pentas prosinum Balai Budaya. OAC pernah mengalami berbagai-bagi peristiwa sepanjang ia dipentaskan. Ketika pertama kali ia diadakan di Panggung

Eksperimen Kuala Lumpur, kesuraman laluan dan lokasi panggung yang seperti sudah tidak dipedulikan lagi itu menyimpan pengalaman pahit pada permulaan OAC. Olahan ruang dan penerimaan penonton pada kedua-dua malam ia diadakan di Kuching amat berbeza untuk kedua-dua masa. Perjalanan OAC agaknya sudah sampai pada titik mutlak untuk dinotahkan. Amat ketara sekali kelesuan pelakon terutama pada malam pertama diadakan mungkin dek terlalu lama menempuh kembara di perjalanan dan rutin sedemikian mungkin turut melemahkan paksi keseimbangan konsentrasi pelakon. Kisah kedua perjalanan OAC ini sungguh menarik kerana cabaran yang diterima oleh Fauziah tidak terhenti setakat ini. Randau mesra dan ikhlas yang menyorot kelemahan persembahan OAC malam pertama 26 Mei 2001 antara warga DBP, kerabat-kerabat teater yang setia bersama-sama Saudara Hamzah Tahir, Abang Patdeli dan saya sendiri bukan hanya menyerlah keterbukaan Fauziah Nawi tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam OAC kali ini, malah merupakan satu fenomena universal bahawa apa saja kembara teater serupa juga dengan kembara kemanusiaan identiti tadi. Era lampau dalam diri Mak Cik Ju membangkitkan persoalan siapa diri kita, berkali-kali dikhutbahkan sama ada dalam platform politik atau sosial. Bilakah kesudahannya kerana ia bukan saja menyangkut soal budaya tapi berkait rapat dengan kepercayaan dan keimanan. Menakutkan? OAC mengolah dan menyampaikannya dengan bersahaja. Muzik, teknik, nyanyian, tarian, konflik dan penyelesaian tragis kematian Mak Cik

OAC untuk menyatakan yang siapa dia sebenarnya pada malam kedua. Umm...teater alat cerminan kemanusiaan.

Bangsawan versus tragedi Shakespeare. Tengku Asyik mempertahankan dan berusaha menarik minat generasi baru pada seni bangsawan. Anne lebih global!

Ju menyihir kita daripada merenung dengan lebih mendalam tema ngulu siapa kita. Kesan teaterikaliti lebih menonjol. Tamat OAC dan kita keluar ke alam masing-masing seperti biasa dan yang terasa ialah harmoni manis nyanyian primadona, tarian lembut dan penggunaan kesan ruang yang sebegini bijak oleh pereka OAC.

DISKUSI TEATER
BERSAMA
FAUZIAH NAWI
27 Mei 2001



Diskusi Teater diadakan sebagai ruang untuk penggiat teater bertukar pikiran.

Terbuka sikapnya dan condong pada kehebatan barat namun masih percaya bahawa ada sesuatu yang dianjikan oleh seni untuk menjawab soalan identiti tadi. Era lampau dalam diri Mak Cik Ju membangkitkan persoalan siapa diri kita, berkali-kali dikhutbahkan sama ada dalam platform politik atau sosial. Bilakah kesudahannya kerana ia bukan saja menyangkut soal budaya tapi berkait rapat dengan kepercayaan dan keimanan. Menakutkan? OAC mengolah dan menyampaikannya dengan bersahaja. Muzik, teknik, nyanyian, tarian, konflik dan penyelesaian tragis kematian Mak Cik

Kejayaan bukan diukur oleh hebat persediaan logistik dan fasiliti. Produksi OAC telah membawa ke tengah bahawa kita harus berhati-hati dengan petualang seni. Adanya ruang yang hebat tapi menyekat peluang orang-orang teater sendiri adalah lagak Brutus yang mengkhianati Ceaser. Iktibar yang dapat dikongsi bersama melalui pengalaman Fauziah Nawi mementaskan OAC adalah begitu banyak. Alam sendiri pendidik yang paling wajar. Dia banyak belajar dari alam. Kejujuran yang terasa daripada humbanan kata-kata yang amat vokal daripada beliau sama seperti alam yang tidak berselindung dengan kenyataan. Sanggar Teater Fauziah Nawi diharap dapat lagi berkunjung ke tanah ini dalam satu pertemuan bersyarat yang lebih indah. Saya percaya perpisahan mutlak bukan untuk kali ini. Memetik kata-kata Khalid Salleh dalam pantun beliau:

Anak seluang, seluang juga,
takkan jadi anak tenggiri.

Anak wayang, wayang juga,
takkan jadi anak pencuri!



Antara adegan dalam teater Opera Ayu Cendana.

Jati diri kita sebagai anak wayang akan terus teruji. Sesiapa yang pernah menyebut bahawa hidup dalam alam wayang yang menyengsarakan sesungguhnya sesuatu yang berlainan. Laluan kita berbeza. Pahitku bukan manismu. Manismu bukan pahitku. Indahnya laluan kita dalam dunia wayang. JS

sambungan dari muka 1



Persembahan tarian dan koir dari isteri-isteri jabatan pada Malam Mesra-Mesra Nusantara.

mengemaskan pentadbiran serta dapat membina perancangan kesusteraan yang strategik. Hal ini bagi memastikan perkembangan kesusteraan dan kelangsungan penulis dapat dipertahankan pada masa depan. Turut berucap di majlis yang sama ialah Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Dato' A. Aziz Deraman.

Sebagai penutup, Hari Sastera XII mencapai dan menerima perkara-perkara berikut sebagai resolusi, iaitu:

1. Bahawa Hari Sastera harus diteruskan kerana fungsi dan peranannya masih relevan dalam usaha pembinaan bahasa, sastera dan budaya di peringkat nasional dan serantau.

2. Bahawa beberapa cadangan hasil pembentangan dan perbincangan kertas kerja seperti berikut diterima;
 - Menerbitkan kertas kerja Hari Sastera XII dan Kertas Kerja Hari Sastera sebelum ini yang belum diterbitkan.
 - Menerbitkan satu Direktori Penulis Melayu serantau yang memuatkan biodata umum penulis-penulis berbahasa Melayu.



Sebahagian yang hadir pada Hari Sastera Ke-XII.



Sesi soal jawab adalah antara sesi yang mendapat sambutan pada Hari Sastera XII.

- Meneruskan usaha penerbitan antologi bersama penulis Melayu serantau dalam pelbagai genre.
- Mencadangkan ditubuhkan muzium bahasa, sastera dan budaya di setiap negeri di Malaysia.

3. Disepakati bahawa Hari Sastera XIII akan diadakan di Kangar, Perlis pada tahun 2003.

Hari Sastera XII, dalam suasana yang sederhana telah berjaya mencapai matlamat yang diharapkan. Kemeriahannya terletak kepada kelancaran, pembentangan dan impak pertemuan sesama penulis. Kenangan penuh pengalaman ini akan menjadi ingatan berkekalan kita bersama. JS

JIHAD


*Sesungguhnya jihad yang
paling benar ialah
mengatakan kebenaran
di depan penguasa
yang lain.*

(Nabi Muhammad s.a.w.)

JERAYAWARA SASTERA

program ziarah kerabat sastera

oleh Jaafar Hamdan



Hazami Johari sedang menjawab pertanyaan para peserta bengkel.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menentukan kegiatan kebahasaan dan kesusteraan sememangnya dari semasa ke semasa mililai dan mempergiatkan lagi perancangan serta pelaksanaan program yang mampu dimanfaatkan oleh penulis atau penggiat sastera. Kepelbagai program yang diatur mengambil kira kepentingan proses perkembangan sastera serta khalayaknya terutama

kegiatan kesusteraan dalam konteks setempat agak sukar diperoleh. Faktor geografi negeri Sarawak yang agak luas memungkinkan para penulis serta penggiat sastera yang berada di luar Bandaraya Kuching menghadapi kesulitan serta berasa terasing dalam arus perkembangan semasa tentang perihal sastera.

Yang lebih parah, ada tanggapan bahawa sastera hanya perlu diperkembangkan dalam persekitaran bandar sahaja. Tanggapan ini menjadi penghalang besar untuk memperlihatkan sastera tumbuh dengan segar dan meriah di kawasan luar bandar. Justeru itu, DBP Cawangan Sarawak telah mengadakan program Jerayawara Sastera sebagai alternatif bagi mendekati para penulis dan para penggiat sastera di kawasan luar bandar secara tidak formal.

Program yang dijalankan selama sehari dengan pengisian aktiviti seperti, Bengkel Asas Penulisan, Perbincangan Hasil Karya, Penubuhan Kumpulan Kegiatan Sastera Setempat (KKSS) dan perbincangan kegiatan yang ditangani sepenuhnya oleh Hazami Johari selaku Ketua Projek. Di samping itu kumpulan lagu puisi NARA menghiburkan para peserta dengan lagu-lagu puisi. Program berkenaan telah dijalankan di empat lokasi dalam tempoh lima hari sebagai proses percubaan. Lokasi yang terlibat adalah Serian, Sri Aman, Sibu dan Sarikei (4S).

Pada 9 Julai 2001, Jerayawara

Sastera telah diadakan di Dewan Randau Ranchan, Serian dan pada 10 Julai 2001, Jerayawara Sastera diadakan di S.M.K St. Luke, Sri Aman. Program tersebut diteruskan di S.M.K Rosly Dhoby, Sibu pada 12 Julai 2001 dan dilanjutkan pada 13 Julai 2001, di Kompleks Sukan, Sarikei. Secara keseluruhannya melalui program ini beberapa cadangan dan pendapat sama ada daripada pihak Urus Setia Jerayawara ataupun oleh pihak peserta dapat dirumuskan. Antaranya ialah:

- i. Mempergiatkan lagi program yang mempertemukan pihak wakil DBP dengan pihak penggiat sastera setempat.
- ii. Menyusun atur atau menyelaras perancangan DBP



Para peserta yang hadir dalam perjumpaan Jerayawara Sastera turut dihiburkan oleh kumpulan NARA.

dengan perancangan kegiatan sastera setempat.

- iii. Usaha menyatupadukan para penulis serta para penggiat sastera setempat melalui program seumpama ini dengan penglibatan DBP harus diteruskan.
- iv. Menyediakan modus operandi Kumpulan Kegiatan Sastera Setempat (KKSS) dengan bantuan pihak DBP.
- v. Kesinambungan pelaksanaan program Jerayawara Sastera sebagai pemantau terhadap program yang dirancang, diatur serta dilaksanakan dari semasa ke semasa. JS

AIR HATI

oleh Awangku Merali Pengiran Mohamed

SUDAH diikhtiarkannya cara-cara untuk memenangi jiwa raga mereka, tapi dia tetap meragui akan sokongan mereka. Wajah-wajah itu tidak memantulkan apa-apa isyarat yang dapat menyuntik keyakinannya, kecuali ketamakan dan kebodohan. Tamak kerana mereka tidak bersyukur dengan apa yang mereka telah nikmati. Bodoh kerana mereka mahukan keuntungan yang cepat walaupun sedikit. Tegang urat lehernya untuk meyakinkan mereka supaya memilih dia semula, dengan jaminan hidup yang damai dan kemakmuran. Mereka tidak mengerti akan pentingnya kedamaian dan kemakmuran. Mereka mahukan wang. Dari satu perhimpunan kecil ke satu perhimpunan perdana, itulah isyarat yang mereka berikan: Kami mahukan wang! Dan dia hanya mahukan peluang diberikan semula. Cuma sekali. Itulah permintaannya. Dilaungkan dan diperitkannya. Sekali! Jarinya ditegakkan. Yang terakhir! Benar-benar yang terakhir. Bukan terakhir seperti yang disebutkannya pada lima tahun yang lalu.

"Datuk taja filem-filem Bollywood untuk ditayangkan di t.v." kata penasihatnya. "Mereka tentu suka." Dia sedar Datuk sudah terdesak. Bagi seseorang yang terdesak apa sahaja cadangan adalah strategi. Mereka lebih buta daripada Eric Weihenmayer, si pendaki buta Gunung Everest yang pertama.

"Kamu nak buang masa aku tengok Karisma Kapoor bergelek?"

"No, No, No, Datuk," katanya pasti. "Biarkan mereka menonton adegan kejar mengejar di antara Salman Khan dan Karisma. Sampai pada bab Salman hendak memeluk Karisma, hah, pada waktu itulah Datuk mencelah."

Wajahnya tiba-tiba berseri. "Berapa bayarannya?"

"Biarlah saya uruskan. Yang penting, Datuk mesti diberi peluang untuk berkhidmat sekali lagi, bukan?"

Strategi pemuda itu memang bijak. 2.5 juta penonton Melayu sudah terbiasa oleh filem Bollywood. Walaupun para ulamak sudah memberi pandangan mereka supaya filem-filem itu diberhentikan tayangannya, siapakah yang hendak bertindak terhadap sesuatu yang menguntungkan? Lebih-lebih lagi dalam keadaan saham-saham di BSKL yang menjunam tidak menentu. Dia sendiri bersetuju, bahawa pelakon-pelakon Hindi yang beragama Islam, yang terang-terang menyembah berhalau walaupun berlakon, boleh mencederakan teras keimanan anak-anak muda yang masih terkutang-kutung mencari dahan untuk berpaut. Siapakah yang akan bertindak? Seperti biasa: sepi. Nah, ketika inilah filem-filem

Bollywood lebih bermaharajalela; ditayangkan konon 'Atas Pemintaan Orang Ramai'. Amaran Karl Marx kembali: segala-galanya ditentukan dan ekonomi! Dan dia, hanya ingin menangguk sedikit untuk dirinya sendiri dalam keadaan anak-anak yang sudah terbiasa dan terpaku pada lembut sari Aishwarya Rai. Sebaik sahaja Shah Rukh Khan hendak memeluk pinggang Aishwarya - suara Udit Narayan dan Alka Yagnik melatari adegan romantis itu - tiba-tiba muncul wajahnya di kaca tv yang menyeru kepada penduduk kawasan Q22 supaya memberi dia peluang yang terakhir. "Hanya sekali ini," katanya. "Saya merayu kebijaksanaan tuan-tuan dan puuan-puan."

Mujur dia tidak terdengar akan pekikan dan maki hamun 2.5 juta penonton yang masih berdebar-debar menyembunyikan fantasi mereka. Yang lelaki hendak melihat Aishwarya menggeliat dalam pelukan Shah Rukh. Yang wanita hendak melihat bagaimana tangan kiri Aishwarya menjalar ke tengkorak dan berpaut di situ seketika. Fantasi yang tergendala itu bertukar menjadi peluru maki hamun.

"Strategi apa?" Katanya keras. "Kamu mahu aku mampus?" Surat khabar perdana di tangannya meramas-ramas. Terdapat tiga empat orang pembaca yang mengadu tentang peristiwa dia terjengul secara tiba-tiba apabila Shah Rukh hendak melilitkan tangannya ke pinggang Aishwarya. Datuk cemburu, kata salah seorang pengadu. Satu publisiti murah, kata yang lain. Satu *stunt* bodoh... Satu... Walau bagaimana tebal sekalipun telinga seseorang itu, desingan demi desingan itu pasti akan memanaskan telinga juga. Dia hampir diserang sakit jantung.

"Mereka langsung tak mengucapkan terima kasih walaupun aku yang menaja filem itu. Tidak. Sebaliknya mereka jadikan aku *punching bag*."

Penasihat cuba mencari idea baru. Gagal sekali bukan bererti gagal untuk selama-lamanya. Dia ingin menenteramkan hatinya dengan kata-kata klise itu. Mesti ada cara lain. Cuma dia perlu fikir, fikir, dan fikir.

"Jadi bagaimana? Masa aku sudah semakin singkat ni."

Penasihat memandang dia dengan mata berkaca. Berkaca? Apakah yang menyebabkan pemandangannya berkaca?

"Bagaimana?"

Penasihat terkejut. "Ada Datuk. Ada idea baru..."

"Baguskah?"

"Datuk kenalah cuba. Mesti berkesan."

Dipandangnya Penasihat. Dia

tidak begitu yakin.

"Betul Datuk." Dia yakin. "Datuk pernah tengok seniwati Azean Irdawati berlakon?"

"Filem Hindustan sudah gagal. Kini drama Azean pula?"

"Bukan Datuk. Bukan. Cuba Datuk ingat dan bayangkan bagaimana cara dia mengeluarkan air mata?"

"Kau nak suruh aku menangis? Forget it!"

"Tunggu, Datuk. Tunggu. Jika tidak terpilih Datuk kena menangis juga."

Dia berhenti. Cadangan itu benar-benar sampah sarap. Tapi dia mahu dipilih. Sekali ini sahaja. Hanya sekali. Dia mesti menang. Tapi, jika dia menangis di hadapan orang ramai, dia seperti orang yang terhimpit dan tersepit.

Lagi pun, pelik sangat bagi seorang lelaki menangis di khalayak ramai. Kali terakhir dia menangis adalah apabila ibunya kembali ke rahmatullah. Itu pun disebabkan dia tidak sempat memohon maaf daripada ibunya atas perbuatannya yang lepas-lepas. Pernah muda, katakan. Jangan anjaya anak gadis orang kata ibu, tapi dia buntingkan juga anak gadis orang, kemudian dia tinggalkan. Jangan berniat buruk kepada orang lain nasihat ibunya, tapi dia hasut Siti Wardika meninggalkan suaminya untuk menjadi isterinya yang ketiga. Amalkan kejujuran kata ibunya, tapi dalam kerjayanya mana ada kejujuran. Menang dalam sesuatu pertandingan seperti orgasma di ranjang. Itulah sebab dia sama-sama meminati politik dan wanita. Puncak bahagia terasa begitu tinggi. Kini, dalam usia akhir lima puluhan, dia hendak menangis... Sorrylah.

"Napoleon Bonaparte juga menangis, Datuk." Penasihat mencuba. Profesional ini bukan mengira kejujuran; yang penting survival. Survival! Peduli apa dengan kebenaran fakta kerana fakta dapat dicipta. Sejarawan juga mencipta fakta daripada mitos dan fiksi. Fakta yang menguntungkan dipakai, manakala fakta yang tidak menguntungkan disembunyikan. Penjajah biasa buat begitu. Apa salahnya kita pula yang mencubanya? Begitulah cara hendak hidup dan hendak hidup. Dia pun begitulah juga. Tapi dia bercahap benar, kerana dia tidak pernah mengatakan bila Napoleon menangis. Dia hampir tersenyum seorang diri. Dia perlu sempurnakan kemahiran tipu helah ini.

"Hitler yang gagah perkasa juga pernah menangis. Begitu juga Churchill. Mengeluarkan air mata perbuatan biasa..."

"Air mata aku luar biasakah?"

"Datuk tak ada air mata!" Yakin benar dia Datuk akhir terkena litar pintas. Retorika ada tempatnya, dan itulah masanya.



"Kamu sudah melampau."

"Benar Datuk. Datuk tidak ada air mata, Datuk hanya ada air hati."

"Jangan merapik. Aku tak pernah dengar perkataan itu."

"Benar Datuk. Saya bercakap benar."

Maka konsep air hati pun dijelaskan kepada Datuk. Selepas dijelaskan, kepala Datuk terangguk-angguk seperti kepala singa dalam Tarian Singa. Mungkin melebihi tujuh kali. Tidak percuta dia melantik pemuda itu sebagai penasihatnya. Kepalanya sesak dengan idea. *Resourceful*. Ideanya bukan susah sangat hendak diikut: mudah dan praktis. Lebih-lebih lagi katanya, air ini dikaut oleh jiwa yang dijana oleh perasaan yang bersih. Air hati muncul daripada perdu perasaan pemimpin. Berbeza dengan air mata, adalah air mata yang terbit untuk dilihat dan ditonton.

'Datuk perlu berusaha mencari papan suis perasaan, supaya perasaan dapat *on and off* seperti suis untuk menjana jiwa.'

"Bagaimana?"

"Berlatih di hadapan cermin."

Datuk akur. Dia percaya, seorang pemimpin yang baik adalah juga seorang pengikut yang baik. Seseorang tidak akan dapat menjadi pemimpin jika dia tidak mahu menjadi seorang pengikut. Dia mesti mencuba. Justeru, dua minggu dia tidak keluar dari rumah. Dia terpacak di hadapan cermin. Air hati tidak terbit juga apabila dia memandang wajahnya pada cermin. Kedut di dahi dan di pipi semakin dalam dan bercabang-cabang. Pundi di bawah kedua matanya mengelembung sedikit.

Jeragat menotaki kedua belah pipinya. Yang ironisnya, pada hari itulah dia

melihat secara dekat akan wajahnya. Belum sangatlah dia kelihatan tua. Remosnya telah hilang sedikit, dan dahinya agak luas. Rambutnya pun sudah agak memutih. Biasalah tu. Lupa dia seketika tentang kuasa. Dia asyik memikirkan bagaimana membuang jeragat dan mengurangkan garis-garis kedut yang semakin dalam di pipinya.

"Air hati tak terbit-terbit," katanya.

"Fikirkan pengalaman derita Datuk."

"Tak ada pengalaman derita yang aku tempuhi..."

"Ketika orang yang dikasihi pergi..."

"Tak nampak juga perdu perasaan. Suis perasaan langsung tak ada bayang-bayang pun. Seperti suis elektrikah? Seperti suis Sitikah... Ha.. Dia tersenyum dan menggelengkan kepalanya. Yang nampak hanya kedut-kedut di dahi dan di leher. Kedua mata dipejamkannya. Lupakan kedut-kedut itu. Itu tanda pengorbanan kepada rakyat. Banyak sangat yang difikirkan untuk rakyat sehingga dahinya berkedut-kedut. Itu juga pengorbanannya kepada rakyat, hanya rakyat sahaja yang tidak tahu menilai dan tidak mahu bersyukur. Dia bersekang mata memikirkan nasib hidup rakyat yang masih miskin. Jeragat? Lupakan juga atas alasan apa sekali pun! Lebih baik dia menumpukan fikirannya kepada ibunya. Ibu? Ah..."

"Atau mungkin Datuk er... pergi... dan Datuk melihat orang ke kubur dan berdoa. Fikirkan, bagaimana jenazah Datuk dimasukkan ke liang lahad."

"Celaka kau!" Dia merasakan sesuatu. Seperti angin datang mengusik jiwnya. Dingin. Syahdu dia.

Kedinginan itu masuk ke liang romakulitnya.

"Fikirkan tentang kain kapan..." Dia ternampak akan kain kapannya, alright. Mayat dikeluarkan, dan terasa dia sebak apabila melihat beberapa orang sahaja yang hadir, membaca Yassin. Mana isterinya yang tiga orang itu? Mana anak-anaknya? Dia semakin sebak. Dia dimasukkan ke liang lahad, ditimbus. Mana isteri-isterinya? Mana anak-anaknya? Mana sahabat handainya? Mana penasihatnya? Ketika itulah dia merasa setitik demi setitik air panas jatuh ke lengannya. Dia tiba-tiba menahan nafasnya.

"Air hati! Air hati!" Jeritnya.

Penasihat mendapatkannya dan benar.. dia melihat ada air di kelopak matanya.

"Cuba lagi Datuk."

Sebentar kemudian dia nampak beberapa orang menangisi mayatnya. Dia tidak mengenali mereka itu, tapi mereka menangis. Dia sangat sebak. Dia menangis di hadapan penasihatnya sepuas-puasnya. Penasihat itu memeluknya, dan menepuk-nepuk belakangnya perlakan.

"Saya ingat, Datuk sudah bersedia."

Sebelum dia mengakui pendapat penasihatnya, dia memetik suis perasaannya, dan pada kali ini dia bayangkan jika dia tidak terpilih dalam pilihanraya itu. Dia tiba-tiba meraung. Penasihatnya juga terkejut, dan tertanya-tanya suis yang bagaimana yang dipetiknya. Dan belakang Datuk terus ditepuk-tepuknya perlakan. Tanpa disedarinya, Datuk telah tertidur di bahunya seperti bayi. Yang membezakan hanyalah keruh Datuk yang membingitkan telinganya. Dan bau nafasnya... telur busuk. Adakah isteri-isterinya sudah kehilangan deria hidu? Fikir Penasihat ketika dia membarangkan badan Datuk di katil.

Apabila dia bangkit dari tidurnya, dia terus menelefon penasihatnya. "Panggil semua penduduk kawasan saya. Sediakan makanan. No money okay? Saya akan berucap."

Jadi, penduduk settingan dengan anak-anak mereka yang kekurangan zat pun datang berangkai-rangkai ke stadium. Mereka juga mengharapkan anak-anak mereka akan disedekahi seringgit dua. Itu amalan. Pemberian sedekah. Pengemis juga datang dengan harapan yang sama. Mereka tidak perlu lagi pergi dari sebuah meja ke sebuah meja dengan sebiji tin Milo 500gram. Mereka tinggal di sebuah negara yang kaya, dan mereka tidak ada masalah untuk mendapatkan seringgit dua daripada mereka yang mempunyai kehidupan yang lebih baik daripada mereka. Mereka datang dengan pakaian mereka yang terbaik. Cuma mereka yang buat-buat buta ketika mengemis, kini celik, dan wajah mereka yang diconteng supaya kelihatan kotor, juga dibersihkan. Nelayan dan petani juga datang. Datuk hendak memberi mereka makan. Temasya. Di negeri lain orang berbunuh-bunuhan, mereka sekarang dipanggil untuk makan, dan jika diikut amalan biasa, mereka juga akan disisipi wang seringgit dua. Kadang-kadang lima puluh ringgit. Tengoklah bagaimana keadaaan ekonomi negara, mereka dimaklumkan.

Apabila Datuk tiba di stadium, semua meja telah dipenuhi oleh

pengemis, nelayan, petani, dan rangkaian anak-anak yang belum tentu masa depan mereka - seperti juga masa depan Datuk - dan mereka datang dalam keadaan yang gembira. Ketika melintasi mereka dan sambil bersalam dengan mereka yang terdekat, Datuk mencari ilham bagaimana hendak menggunakan suasana tersebut dalam ucapannya. Dia tidak ingin berucap seorang diri. Dia ingin memberi peluang kepada rakyat yang menyokong dia untuk memberi pendapat. Apalah sangat pandangan mereka. Asalkan mereka dapat merasa ada unsur mereka dihargai cukuplah. Tidaklah mereka mempersoalkan demokrasi berulang-ulang kali.

Mata-mata pengemis, petani dan nelayan menyorotnya apabila dia berjalan. Ada kanak-kanak yang menghitung langkah-langkahnya. Ada juga kanak-kanak yang cuba menyentuh baju sutera yang dipakainya. Dia hanya tersenyum. Apabila namanya diumumkan oleh pengacara majlis, dia berdiri dan disambut oleh gemuruh sorakan rakyat. Gemuruh. Panas terasa meruap hingga ke tenguknya. Seperti pengalaman malam pertama. Ini ditafsirkannya sebagai karma yang bagus. Tepukan itu bergemuruh kerana rakyat baharu siap makan, dan mereka masih bertengah. Alangkah baiknya suasana itu digunakan untuk berucap. Ketika perut masih kenyang, paling tidak mereka akan bersyukur. Paling tidak mereka mengucap alhamdullillah setiap kali selepas sendawa. Dia memandang penasihatnya.

"Sebentar lagi," kata penasihat.

Dia hendak berkata sesuatu apabila suaranya ditekan oleh ketukan gendang dan jeritan gitar. Muzik berirama dangdut. Tepukan bergemuruh. Seorang penyanyi wanita yang berbadan kecil molek meloncat keluar seperti ayam serama. Solekan artis itu bukan seleranya. Tapi apabila dia melihat gelekan pinggul penyanyi ayam serama itu, dia tidak dapat tidak memikirkan orgasme terakhir yang pernah dialaminya. Rayapan kepanasan itu sudah dirasakannya. Tidak rugi dia m e l a y a r i h a l a m a n w e b www.pakraja.cjb.net untuk meminta nasihat. Dia menyilang kaki kanan ke atas kaki kirinya. Senyuman tiba-tiba merekah daripada kedua bibirnya. Bukan sering dia tersenyum begitu, yang terbit secara bersahaja, lebih-lebih di khalayak ramai. Dalam dia melayani fikirannya, dia terdengar tepukan gemuruh dan penyanyi ayam serama itu sudah menghulurkan tangannya untuk bersalam. Dia tidak pasti, sama ada matanya terkenyt atau tidak. Tetapi senyum penyanyi ayam serama itu lebih mengiurkan, sedangkan dia masih duduk bersilang kaki.

Namanya kemudian dipanggil. Tepukan bergemuruh lagi. Dia senyum,

tengok kanan kiri, dan satu anggukan, sebelum berdiri. Sebaik sahaja dia mencapai mikrofon, tekaknya terasa gatal. Batuklah dia beberapa kali. Kahak masih berpintal degil, dan dia meneran untuk menolak kahak itu. Rakyat yang sedang memperhatikannya, tersengih kerana dari dalam mikrofon itu dia seperti diserang sembelit. Kanak-kanak yang suka makan jambu batu muda kerana kelaparan biasa dengan bunyi keluhan dan teranan itu. Mereka tertawa dengan kuatnya untuk menempiaskan rasa kegelian mereka. Malah tanpa disedari mereka juga ikut meneran. Bagi ibu bapa, perbuatan anak-anak mereka itu satu jenaka. Mereka ikut tertawa. Meskipun agak terlambat, penasihat keluar membawa segelas air kepada Datuk. Tapi bunyi teran meneran itu seperti berjangkit, dan Datuk tanpa diduga kembali ke tempat duduknya, disambut oleh tepukan gemuruh. Biadap

menasihati mereka supaya bekerja keras untuk rakyat jelata. Dia akur. Itulah sebabnya memohon daripada rakyat supaya dia diberi peluang sekali lagi. Sebelum ini dia telah lupa akan janji-janjinya. Dia ingin menebus kesilapannya kepada rakyat kali ini. Dia ingin membuktikan bahawa dia masih berkemampuan. Tapi bagi rakyat yang kepala otak bapak mereka tak tahu malu itu telah melukai hati dan perasaannya. Biadap. Dan gendang diketuk, kemudian diikuti oleh petikan gitar lagi. Siapa pula yang menyanyikan lagu *Kuch Kuch Hota Hai* itu? Ya, penyanyi ayam serama lagi. Kali ini berpakaian sari, berduet dengan seorang lelaki yang melidi sehingga di dalam baju seperti kelambu itu pun dia kelihatan bangkai. Lagu itu mendinginkan sedikit didihan perasaannya. Sedikit sahaja. Rakyat bertepuk-tepuk tangan. Gembira. Tapi, bukan dia. Jahanam kahak itu. Bagaimana kahak itu tiba-tiba sahaja tersangkut di kerongkongnya, dan tiba-tiba juga hilang?

N a m a n y a dipanggil lagi. Dia terpaksa menunggu sehingga pengacara tamat membacakan gelaran-gelaran sebelum dan selepas namanya. Nama itu memberikan dia masa untuk menarik nafas dan bersedia. Sebaik sahaja tepukan diberi, dia berdiri. Tidak ada kahak yang mensabotajnya kali ini. Tapi dia lupa akan intro ucapannya. Intro yang difikirkan sekian lama telah hilang bersama-sama kahak. Justeru dia terus hendak memetik suis perasaannya. Tanpa disedarinya, dia membuka butang bajunya yang paling atas. Panas keadaan di stadium itu, walaupun pada waktu malam.

Dia bercakap tentang keadaan negara yang makmur. Pengemis terangguk-angguk kerana mereka

tidak menafikannya. Tidak ada di negara lain, kerja mengemis mendatangkan hasil lebih lumayan daripada gaji guru lulusan maktab. Tidak perlu buat permohonan daripada SPA. Sesiapa pun punya kelayakan untuk memasuki profesion ini. Pernah seorang remiser yang hidup mewah pada hari ini, esok menjadi seorang pengemis. Negara ini mesra dengan pengemis. Sebagai hasil kerja mengemis, dia memiliki sebuah rumah kos rendah, dan alat main cakera padat yang boleh menayangkan VCD lucu yang dicetak rompak. Kadang-kadang dia ajak anak-anaknya ke Top Spot untuk makan makanan laut. Dia bersetuju dengan Datuk. Kemakmuran negara hendaklah diteruskan.

"Merdeka!", Jeritnya.

Dia bercakap tentang keadaan masyarakat yang bersatu padu.

Pengemis dan nelayan turut bersetuju. Setiap kali mengemis, ada sahaja kaum Cina dan Iban yang bermurah hati menghulurkan seringgit dua kepadanya. Itulah pemahamannya. "Saya setuju Datuk...", jerit mereka. Petani dan nelayan pun ada perjanjian kerjasama dengan peraih Cina yang membeli hasil usaha mereka dengan harga yang tidak sampai suku harga di pasaran. Yang penting, anak bini mereka cukup makan dan pakai. "Bersatu," jerit mereka serentak.

Dia senyum. Terdengar dia akan jeritan sokongan itu. Dia juga menyentuh tentang nilai perpaduan kaum dan tentang orang asing yang ingin melihat negara hancur lebur dan berpecah belah. Dahsyat. Memang dahsyat. Benar, Datuk! Kerjayanya juga tergugat sedikit baru-baru ini. Pengemis dari Myanmar dan Kemboja datang ke negeri ini, dan ikut serta dalam kerjaya yang mesra ini. Tiada permohonan kepada SPA. Tiada permit kerja daripada Jabatan Imigresen. Tapi cara mereka agak ganas. Mereka paksa orang menghulurkan seringgit dua. Malah mereka sangat kreatif. Ada yang menggunakan taktik seperti menggunakan anak kecil, buta, bisu, luka dan banyak lagi. Untuk persaingan, mereka pun menggunakan taktik yang sama. Dia buat-buat buta; setiap malam dia memterbalikkan kedua matanya melihat bintang-bintang; bukan manusia. Nelayan juga mengangguk. Kena betul cakap Datuk itu. Nelayan dari Cina dan Thailand atau Filipina telah mencerobohi kawasan mereka menangkap ikan. Malah ada yang menyamun enjin dan pukat tunda mereka. Petani juga mengangguk kerana sekarang lebih banyak beras Siam dibawa masuk dari sempadan sedangkan beras tempatan tidak dimakan. Untuk cepat mendapat hasil, petani asing juga menggunakan baja yang berlebihan, dan menyembur serangga beracun yang melebihi had penggunaannya. "Mampus dengan orang asing!" Jerit mereka serentak dengan urat leher yang menegang.

Dia bercakap tentang perjuangan, satu perjuangan yang belum selesai. Perjuangannya. Dia tahu mengapa perjuangan itu tidak pernah selesai, seperti kemiskinan yang sering dilanggungkan untuk dibasmikan. Dia tahu hanya hari kiamat yang dapat menghapuskan kemiskinan jika kemiskinan dijadikan pautan kuasa politik. Yang miskin bangsanya. Jika dihapuskan kemiskinan itu, isu apa lagi tempat dia berpaut? Selagi bangsanya miskin, selagi itu dia akan terus berkuasa. Ketika dia terbayang akan gubuk-gubuk usang berdekatan dengan seponoh pokok kelapa, dan dia sedang duduk di bawah pokok kelapa itu dalam keadaan yang sepi, maka di situ lah tiba-tiba sebiji batu menyekat di kerongkongnya, dan air hati tersembrum daripada kedua matanya. Pengemis, petani dan nelayan yang sedang menghubungkan pengalaman mereka dengan ucapan Datuk, serentak memandang ke arahnya. Dari jauh, wajah Datuk itu kelihatan dungu dalam cahaya lampu. Keadaan begitu panas.

Kali ini dia tidak cuba untuk meneran batu itu keluar. Dia lebih bijak, dan kali ini dia mencapai tisu yang telah disediakan penasihatnya awal-awal lagi. Setelah dia menghembuskan hingus, dia

Mayat dikeluarkan, dan terasa dia sebak apabila melihatkan beberapa orang sahaja yang hadir, membaca Yassin. Mana isterinya yang tiga orang itu? Mana anak-anaknya? Dia semakin sebak. Dia dimasukkan ke liang, ditimbus. Mana isteri-isterinya? Mana anak-anaknya? Mana sahabat handainya? Mana penasihatnya? Ketika itulah dia merasa setitik demi setitik air panas jatuh ke lengannya. Dia tiba-tiba menahan nafasnya.

betul mereka, kata Datuk. Usul menunjukkan asal. Otak lembu, otak kambing. Langsung tak hormat. Baru diberi makan pun masih kurang ajar. Baru disuapi makan, sudah hendak menggigit jari orang yang memberi. Keparat punya keturunan. Bangsat punya bangsa. Jika bukan kerana undi mereka, ingin sahaja dia menjerit dan memaki hamun mereka dari atas pentas itu. Lewat mikrofon itu. Kepala bapak mereka. Otak udang. Dia boleh buat perangai. Bukan dia tidak pernah menampar Y.B. yang biadap. Keturunannya pun bukan calang-calang. Dia sahaja yang tak mau. Dia perlu menghormati pemimpin-pemimpin yang mempercayainya. Dia hormat dengan CM dan PM. CM meminta dia sering bersabar apabila mendengar rintihan rakyat. Dan PM sering

merayu-rayu supaya dia diberikan peluang sekali lagi untuk mewakili mereka. Sekali lagi. Beri dia peluang untuk menentang orang asing yang cuba menggugat ketenteraman negara. Beri dia peluang, dan kali ini dia ingin berdiri di barisan hadapan, untuk menyatakan rakyat supaya negara akan terus kuat. Beri dia peluang untuk membasmikan sebahagian daripada kemiskinan yang telah direka oleh kapitalis dan imperialis asing. Berilah dia peluang. Seolah-olah tisu sudah habis, penasihat menghulurkan sekotak lagi Klineex. Air hati hercucuran di pipi. Rakyat hanya membisu. Mereka tidak tahu tindakan yang harus mereka ambil. Hendak menangis atau tertawa. Bahang ketika itu tidak memungkinkan mereka menangis. Rasa hendak tertawa memang ada kerana sukar untuk mempercayai Datuk itu mengeluarkan air mata. Nampak dibuat-buat. Tapi mereka tetap membisu. Malah ada yang menundukkan kepala, gelisah.

Datuk nampak ada di antara rakyat yang sudah menangis sambil menundukkan kepala mereka. Maknanya rakyat juga terasa akan ucapannya. Dia mesti gunakan masa itu sebaik-baiknya. Diceeritakannya lagi apa yang ingin dihuatnya, dan lepas itu dia merayu lagi supaya dia diberi peluang sekali lagi.

Wajah rakyat begitu juga. Tidak berubah. Tidak berperasauan. Cuma memandangnya. Dia agak kecewa apabila tidak ada bekas air mata di pipi mereka. Dia rasa tertipi. Apa yang sudah terjadi?

Datuk menggunakan pelbagai cara lain supaya ada di antara rakyat yang menangis bersama-sama dia. Tapi, wajah-wajah itu adalah tembok batu. Balinglah apa sahaja, mata mereka tidak akan berkejip. Datuk yang terasakan air hatinya mengering, dan mula menekangkan pipinya. Dia cuba menyentuh pipinya. Dia terasa ketulan-ketulan keras di pipinya. Ketulan kristal. Dijilatnya kristal itu.

"Garam? Bagaimana garam ada di pipinya?"

Dia memandang ke arah penasihatnya. Letaki itu hanya mengangkat kedua keningnya; tidak tahu.

Bagaimakah air hati menjadi garam? Adakah disebabkan air matanya terlalu pekat kerana dia tidak pernah menangis? Tiba-tiba dia marah. Dia tidak peduli. Mereka yang dihadapannya bukan manusia kerana jika manusia mereka tentu ada perasaan. Jika mereka ada perasaan mereka akan menunjukkan simpati. Mesti ada tanda-tanda. Mereka ini parasit. Atau sadis yang gembira apabila melihat orang berduka.

"Sebelum saya duduk, saya hendak tanya kamu." Datuk menunjuk beberapa orang rakyat. Dia tidak menyebut mereka "tuan-tuan dan puapan-puan" atau "rakyat sekalian". Dia sebut mereka "kamu". "Saya mahu kamu menjawab dengan jujur."

Rakyat tersentak dengan perubahan yang tiba-tiba. Datuk yang mesra sebentar tadi, kini kembali seperti Datuk yang mereka kenali sebelum ini. Mereka seperti anak-anak sekolah diarahkan untuk senang diri.

"Mengapakah kamu tidak menangis apabila saya menangis tadi? Mengapa?"



Tidak ada orang yang berfikiran siuman pada masa itu yang tidak terpinga-pinga. Soalan itu lucu. Seorang yang tadi bercakap hendak menentang ancaman musuh asing, kini mengemukakan soalan lucu kepada mereka. Mereka berasa selesa dengan soalan itu. Hidup mereka lucu pada setiap hari, walaupun agak perit. Hanya dengan menerima kehidupan mereka sebagai sesuatu yang jenaka dan melueukan, maka mereka boleh menghadapi rintangan hidup mereka sehari-hari. Bagaimana mereka hendak menerima kemiskinan mereka di sebuah negara yang kaya raya? Bagaimana mereka hendak menjelaskan kepada anak-anak mereka tentang kemegahan Menara Berkembar dengan gubuk buruk mereka? Itu suatu realiti, tetapi realiti itu melucukan. Satu jenaka hidup yang mereka tempuh sehari-hari. Justeru, seorang petani kalu maju selangkah ke hadapan, dan dia sedang diperhatikan orang rakyat lain.

"Sebenarnya saya sebak, Datuk." Dipandangnya di sekelilingnya yang sepi. "Malangnya, air mata saya dan isteri saya," ditariknya bahu seorang wanita yang sudah turun payu daranya, "sudah lama kering".

"Kering?" Tanya Datuk.

"Kering. Datuk. Kami menangisi putera-putera kami yang seorang demi seorang telah dibunuhi oleh dadah. Banyak kali kami masukkan mereka ke pusat pemutilahan supaya mereka sembuh dan menjadi orang berguna, tapi nampaknya dadah terdapat di mana-mana."

Muncul lagi seorang lelaki. Wajahnya kematu dibakar matahari. "Kami menangisi puteri-puteri kami yang melahirkan anak luar nikah. Yang

melahirkan anak di tandas sekolah, di hotel, di dalam semak. Bayangkanlah Datuk. Yang sengaja menghilangkan dara mereka, semacam satu fesyen putu. Apabila kami tanya mengapa mereka buat begitu, mereka menjawab, perbuatan mereka tidak salah di sisi undang-undang. Mereka tidak terlibat dengan lumba haram. Tidak melacur. Tidak berdemonstrasi di jalan-jalan. Atau bawa poster tentang kerajaan. Mereka anak-anak yang baik. Tapi kami sedih, dan air mata kami sudah habis tereurah."

Datuk kini bercakap pinggang. Dia masih tidak puas hati mengapa mereka tidak bersedih apabila dia mengeluarkan air hati yang telah menjadi kristal.

Seorang wanita, agak berisi punggungnya, kalau tempat duduk Kancil pasti tidak muat untuk punggung itu. "Kami menangis pada setiap malam memikirkan bagaimana hendak membeli makanan untuk anak-anak kami. Harga barang lebih cepat naik daripada pendapatan kami. Kami cuba juga mengajar mereka, tetapi anak-anak kami menjadi semakin kurang ajar. Mereka lebih takut kepada polis daripada Allah. Seksual cubur seperti tidak wujud. Kami menangis. Harga diri juga semakin murah. Kami menangis apabila hendak membeli subang pun mereka perlu menjual kehormatan. Kami sudah tidak mengerti bagaimana perkara sebegini berlaku di negara kami sendiri."

Datuk seperti tertolak ke penjur. Dia juga tidak mengerti tentang fenomena ini. Barangkali inilah fenomena pembangunan, dan dalam pembangunan tentulah ada korbannya. Dia sendiri tidak menolak jika ada wanita sanggup tidur dengan hanya untuk membeli sepasang subang. Itu satu

pilihan: hendak dapat sepasang subang atau hendak lepaskan kehormatan. Lagipun apalah teruk sangatnya. Dia terangguk-angguk. Jika hendak disalahkan, ibu bapalah yang perlu menjawab di padang Mahsyar nanti, mengapa mereka tidak membekalkan anak-anak mereka dengan didikan agama yang secukupnya. Mereka harus menjawabnya. Bukan dia. Begitu juga tentang dadah dan inflasi. Itu pilihan mereka; mahu dadah atau tidak mahu dadah. Justeru, anak-anak mereka perlu diajar berfikir secara kritis. Sekolah sudah menyediakan secukupnya ilmu berfikir ini. Nak salahkan siapa lagi? Inflasi? Mudah: jangan beli kalau sesuatu barang itu mahal. Cari alternatif. Malangnya, rakyat tidak sanggup makan ubi kayu lagi jika beras dan roti naik harga berlipat ganda. Orang bermiaga pun hendak untung. Mereka tidak mengerti, dan akan terus tidak mengerti. Janganlah harapkan mereka menangis. Kalau dia mengeluarkan air mata lebih besar daripada air mata dinosair pun, mereka tidak akan menangis. Mereka tidak pandai bersyukur. Tidak sensitif akan perasaan orang lain. Bodoh. Dungu.

Dia memandang Penasihat. "Pulang." Pemuda itu terpinga-pinga.

"Kita pulang!"
"Mereka?"
"Biarkan... Air hati hanya untuk mereka yang ada hati. Mereka tak ada hati, jadi tak guna. Kita pulang."

Datuk dan penasihatnya turun pentas, tanpa pamitan. Rakyat sekadar memerhatikan pemimpin mereka turun. Adakah apa yang mereka utarakan sebentar tadi salah? Dia juga yang bertanya. Biadapkah kata-kata mereka? Mereka sekadar menangkap sisa asap

ekzos Datuk yang terkena pancaran lampu. Marahkah Datuk? Apakah Datuk akan menjemput mereka makan lagi?

Di dalam Mercedesnya Datuk hanya meniti beberapa titik air mata. Tapi hanya seketika. Kemudian, dia merancang strategi untuk menumpaskan Siti Wardika. Nasihat yang diperolehnya dari www.pakraja.ejh.net perlu diamalkan. Ada kehangatan yang meruap seperti hendak dilepaskan. Dia sempat menyimpulkan senyum. Siti Wardika perlu ditumpaskan pada malam ini. JS

**Mengapakah
kamu tidak
menangis apabila
saya menangis
tadi? Mengapa?
Tidak ada orang
yang berfikiran
siuman pada masa
itu yang tidak
terpinga-pinga.
Soalan itu lucu.
Seorang yang tadi
bercakap hendak
menentang
ancaman musuh
asing, kini
mengemukakan
soalan lucu kepada
mereka. Mereka
berasa selesa
dengan soalan itu.
Hidup mereka lucu
pada setiap hari,
walaupun agak
perit. Hanya dengan
menerima
kehidupan mereka
sebagai sesuatu
yang jenaka dan
melucukan, maka
mereka boleh
menghadapi
rintangan hidup
mereka sehari-hari.**

Pengenalan Kritis Kesusasteraan Bandingan

oleh Awang Azman Awang Pawi

Tajuk Buku: **Pengenalan Kritis**

Kesusasteraan Bandingan

Penulis: **Susan Bassnett**

Penterjemah: **Shamsuddin Jaafar**

Terbitan: **Dewan Bahasa dan Pustaka**

Tahun terbit: **1999**

Halaman: **278**

Pengulas: **Awang Azman Awang Pawi**

SUSAN Bassnet merupakan ahli akademik yang menumpukan perhatian dalam bidang kesusasteraan bandingan, selain menceburi bidang penterjemahan dan menulis puisi. Kini beliau merupakan Profesor Kesusasteraan Bandingan di University Warwick dan Ketua Pusat Kajian Kebudayaan Bandingan. Buku ini adalah antara yang melonjakkan nama beliau dalam bidang kesusasteraan bandingan. Susan merupakan profesor tamu di pelbagai buah negara di dunia kini telah berkecimpung dan mempunyai pengalaman dalam memberi kuliah sastera bandingan di Universiti Warwick tidak kurang 16 tahun.

Buku ini mengandungi tujuh bab utama yang mempunyai judul-judul bab yang amat menarik iaitu: Bagaimana Kesusteraan Bandingan lahir; Di Seberang Sempadan Eropah; Konsep Alternatif Kesusteraan Bandingan; Membandingkan Kesusteraan Kepulauan British, Jati Diri Perbandingan dalam Dunia Pascakolonial, Membina Budaya; Politik Kisah Pengembara, Gender; dan Tematik: Kes Guinevere dan daripada Kesusteraan Bandingan kepada Kajian Terjemahan.

Pada awal bab, pengarang mengemukakan definisi Francois Jost untuk mendefinisikan ruang kesusteraan bandingan sebagai mewakili lebih daripada satu disiplin. Pandangan ini merupakan suatu pandangan umum kesusteraan tentang persuratan dunia, suatu ekologi kemanusiaan, suatu pandangan dunia sastera, suatu visi dunia budaya, yang terangkum dan menyeluruh. Adakah pernyataan ini benar? Beliau telah memberikan hujah pengertian dan konsep sastera bandingan dalam erti kata yang sebenar tanpa meminggirkkan definisi dan konsep yang diguna pakai oleh sarjana lain.

Dalam bab awal, kita akan dapat pada tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an siswazah universiti yang mempunyai idealisme tinggi di Barat menumpukan perhatian mereka kepada kesusteraan bandingan kerana sifat sastera bandingan sendiri yang dianggap pengajaran kesusteraan yang tunggal. Namun

ruang sejarah kian berubah dari masa ke masa. Sastera bandingan dikatakan menjadi suatu disiplin yang pudar ditelan masa. Wacana sastera bandingan sekarang dianggap ketinggalan. Adakah kenyataan ini benar? Hal ini berlaku apabila terdapat kecenderungan di kalangan generasi siswazah di Barat pada penghujung tahun 1970-an yang bercita-cita tinggi kian mengalih tumpuan mereka kepada Teori sastera, kajian gender, semiotik, kajian filem dan media, dan kajian budaya sebagai pilihan yang radikal dengan meninggalkan bidang kesusteraan bandingan yang semakin dianggap sebagai kajian purba daripada pra sejarah. Tindakan ini dikatakan sebagai beberapa kecenderungan baru para siswazah kesusteraan dan budaya. Pengarang buku ini telah mengemukakan hujah-hujah berkenaan dengan isu ini secara kritis dan objektif.

Dalam buku ini juga kita mendapat maklumat bahawa sastera bandingan memperoleh namanya melalui satu siri antologi yang digunakan untuk mengajar kesusteraan, yang terbit dalam tahun 1816 dan berjudul *Cours de literature comparee*. Istilah ini meresap dalam tahun 1820-an dan 1830-an di Perancis. Di Jerman pula, kesusteraan bandingan dikenali sebagai *vergleichende Literaturgeschichte* wujud dalam buku yang ditulis oleh Moriz Carriere pada tahun 1854, manakala penggunaan istilah ini dalam bahasa Inggeris dimulai oleh Matthew Arnold, pengkritik terkemuka Inggeris dalam tahun 1848.

Dalam buku ini juga terkandung beberapa wacana sastera bandingan. Antaranya terdapat beberapa golongan yang menyarankan agar usaha yang lebih praktikal dijalankan untuk mengurangkan debat definisi mengenai sastera bandingan. Pendapat tersebut timbul mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti kerelevan sastera bandingan dalam konteks abad ke-21. Hal ini berlaku berikutnya perkembangan pesat teori sastera dan budaya telah memungkinkan sastera bandingan ketinggalan zaman dan dianggap sebagai usang. Perubahan ini wujud hasil daripada globalisasi dan ledakan maklumat seperti kemudahan internet. Dari sudut dan aspek yang lain, kesusteraan bandingan mula mendapat perhatian rantau lain di



dengan karya penulis tempatan.

Pertumbuhan susteraan kebangsaan dan kesedaran betapa perlunya bergerak melampaui warisan penjajah telah menyebabkan berkembangnya kesusteraan bandingan dengan berkesan di beberapa bahagian dunia meskipun di barat dikatakan sedang mengalami krisis. Berdasarkan penelitian saya, sastera bandingan dari segi penggunaannya merupakan suatu perspektif yang radikal serta penilaian semula telah dibuat tentang wacana kesusteraan 'kebangsaan'. Hal ini berdasarkan dampak pascakolonialisme dalam memikirkan aspek kesusteraan minoriti dan bukan kesusteraan 'agung' binaan sarjana barat di timur.

Pengarang buku ini telah merujuk pendapat Homi Bhabha (tokoh pascakolonialisme) yang menyatakan bahawa pertentangan pendapat budaya pascakolonial adalah sebagai ganti rujukan silang untuk suatu jalan rentas ke arah kepentingan sosial yang berkesan, produktif, menghapuskan pengertian yang bersifat disiplin, dialektikal terhadap rujukan dan kerelevan budaya. Aspek tersebut banyak dikupas dalam bab empat buku ini yang diberi judul Jati Diri Perbandingan dalam Dunia Pascakolonial.

Apa pun, kepentingan sastera bandingan tidak dapat dinafikan meskipun dalam konteks abad akan datang. Perkembangan kesusteraan pascakolonial misalnya tetap memperakarkan betapa amat bergunanya sastera bandingan dalam kritikan pascakolonial seperti kenyataan tokoh pascakolonial yang terdapat dalam buku *The Empire Writes Back* di bawah sub judul *Praktis dan Teori dalam Sastera Pascakolonial* suntingan Bill Ashcroft, Gareth Griffiths dan Helen Tiffin.

Pengarang juga mengemukakan bahawa 'Kajian Terjemahan' sebagai alternatif kepada sastera bandingan. Pengarang yang memetik pendapat Evan Zohar yang menyebut betapa perlunya kegiatan penterjemahan ialah apabila kesusteraan berada pada awal perkembangan, apabila kesusteraan mengandaikan dirinya kurang penting atau 'lemah'; atau kedua-dua, ataupun apabila ada titik perubahan atau krisis mahupun terdapat vakum sastera. Terjemahan juga dianggap sebagai tenaga pembentuk yang utama dalam

lingkungan sejarah sastera. Menurut pengarang, sudah tiba masanya untuk menimbal semula hubungan antara kesusteraan bandingan dengan kajian terjemahan sebagai suatu permulaan yang baharu dalam disiplin akademik.

Pengarang telah mengemukakan beberapa persoalan yang mungkin dianggap persoalan biasa. Namun pengarang telah menangani persoalan tersebut secara kritis dan menyebabkan buku ini suatu karya akademik yang menarik untuk dibaca. Banyak lagi aspek lain yang dibincangkan dalam buku ini dan perlu dibaca bagi peminat sastera dan budaya mutakhir. Buku ini amat menarik bagi pembaca yang mempunyai minat yang mendalam dalam sastera bandingan serta kaitannya dengan perkembangan terbaru teori sastera dan budaya dunia termasuk bahana pascakolonial dan pascamoden. Buku ini adalah antara yang terbaik tentang pengenalan kritis sastera bandingan. Ruang persoalan yang dikupas tidak sempit. Hujah atau isi kandungan pula relevan dan kritis. Selebihnya terpulanglah kepada kebijaksanaan anda untuk memanfaatkannya dalam kritikan sastera. JS

*"sastera
bandingan telah
digunakan
untuk
menegaskan jati
diri budaya
kebangsaan.
Dengan kata
lain semangat
nasionalisme
telah lahir kesan
daripada
pembelajaran
kesusteraan
bandingan"*

ESKM, haruskah dimiliki ?


oleh Adenan Junaidi

KEUKATAN sebuah buku banyak bergantung kepada kewibawaan penulisnya. Buku-buku umum khususnya yang banyak memaparkan dan membincangkan fakta-fakta dengan setepat mungkin berdasarkan kredibiliti pengarang amat dititikberatkan oleh pembaca. Oleh itu perlu ada satu mekanisme untuk mengukur sejauh mana kebolehpercayaan satu-satu hasil penulisan, sekurang-kurangnya untuk menyakinkan masyarakat pembaca tentang kekuatan buku tersebut. Menyedari akan hal tersebut, DBP Cawangan Sarawak merasakan perlunya isi kandungan sesebuah buku dikupas untuk memberi gambaran awal kepada masyarakat pengguna mengenai kelebihan dan keistimewaan sesebuah buku. Majlis ini bersifat akademik kerana sesi bicara buku bukan sahaja menyentuh tentang isi kandungan buku itu sendiri tetapi juga mengenai sumbangan daripada lebih 300 orang sarjana, baik dari dalam maupun luar negeri.

Pada 28 Ogos yang lalu, Majlis Bicara Buku *Ensiklopedia Sejarah Dan Kebudayaan Melayu (ESKM)* telah diadakan di Auditorium Tun Ahmad Zaidi Adruce, Maktab Perguruan Batu Lintang dengan

menampilkan tiga tokoh pembicara iaitu Profesor Datuk Ramlah Adam daripada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Dr. Adi Badiozaman Tuah, Pengetua Maktab Perguruan Batu Lintang, dan Encik Sanib Said, Pengarah Jabatan Muzium Sarawak. Pengurus bagi majlis tersebut adalah Pengarah DBP Cawangan Sarawak sendiri iaitu Tuan Haji Abdul Rahman Yusof. Ensiklopedia ini merupakan bahan rujukan pertama dalam bahasa Melayu yang mengemukakan tentang tamadun dunia Melayu dalam usaha untuk meletakkan martabat bangsa Melayu di mata dunia sebagai bangsa yang mempunyai tradisi ilmu yang tinggi, bermaruah dan dihormati.

Profesor Datuk Ramlah Adam mengupas isi kandungan ensiklopedia tersebut daripada kaca mata seorang pakar sejarah mengenai aspek sejarah yang terkandung di dalamnya. Beliau menghuraikan bahawa ESKM ini merupakan bahan rujukan yang berwibawa untuk semua golongan kerana ia menyentuh tentang aspek sejarah awal dan masa kini masyarakat di Kepulauan Melayu. Menurut beliau lagi, dalam ensiklopedia ini terkandung hampir kesemua tokoh yang telah memberi sumbangan besar dalam tamadun manusia pada zaman



Dr. Adi Badiozaman Tuah, Tuan Haji Abdul Rahman Yusof, Prof. Datuk Ramlah Adam dan Encik Sanib Said semasa sesi Bicara Buku di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak.

mereka.

Pembicara kedua, Dr. Adi Badiozaman Tuah pula menyentuh tentang bidang bahasa. Beliau berpendapat ESKM ini telah menjelaskan secara terperinci tentang segala aspek mengenai bahasa. Encik Sanib Said berbicara mengenai skop kebudayaan yang disentuh oleh ensiklopedia ini. Beliau sendiri mengakui banyak adat, tradisi dan kepercayaan yang dihuraikan oleh ESKM ini merupakan sesuatu yang

menakjubkan kerana ia menyentuh aspek kebudayaan kaum-kaum utama dan yang kecil di seluruh negara.

Dr. Boris Parnikel, bekas Fellow Penyelidik Pelawat di Jabatan Akademi Melayu, Universiti Malaya yang berkesempatan membaca ESKM ini, menyatakan bahawa ensiklopedia ini sarat dengan maklumat faktual yang banyak memberi manfaat terhadap pakar sarjana bidang lain terutamanya para penyelidik di negara-negara Asia Tenggara.

Tambah beliau lagi, pada amnya buku rujukan jarang seronok dibaca, tetapi ESKM ini sungguh memikat sehingga membuatkan kita membacanya semula dan tak sabar untuk menantikan jilid-jilid seterusnya.

Hadirin yang rata-ratanya terdiri daripada pengetua sekolah, wakil ketua-ketua jabatan dan pustakawan telah memberi maklum balas yang positif. Mereka menunjukkan minat terhadap ESKM melalui soalan-soalan yang diajukan terhadap panel pembicara. Hasil daripada majlis seumpama ini telah banyak menyumbang kepada peningkatan jumlah jualan ensiklopedia berkenaan.

Lantaran sikap masyarakat kita yang kurang memberi penekanan terhadap tabiat membaca, majlis seumpama ini harus diteruskan dari semasa ke semasa untuk membantu mereka memahami kekuatan dan kelebihan yang ada pada satu-satu bahan terbitan DBP. Jika harga dan bahasa yang menjadi persoalan, maka kita harus menonjolkan kekuatan fakta dan penulis itu sendiri untuk menyedarkan orang ramai betapa Bahasa Melayu mampu mengungkap pelbagai ilmu untuk kepentingan tamadun manusia masa kini. JS

SM.Chung Hua No. 1, Juara Forum Pelajar 2001

oleh Norazan Kartini

PERTANDINGAN Forum Pelajar merupakan satu acara tahunan yang dipertandingkan setiap tahun. Tahun 2001 ini merupakan tahun kesembilan acara ini diadakan di Sarawak. Acara ini diadakan bertujuan untuk menyebarluaskan dan mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu yang lebih mantap di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di seluruh negara.

Pertandingan ini khusus diadakan untuk pelajar-pelajar menengah atas di sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di Sarawak sejak tahun 1993. Di Semenanjung Malaysia, pertandingan ini bermula pada tahun 1992.

Forum ini bertujuan untuk menyediakan wadah dan suasana penggunaan bahasa Melayu yang baik dan berkesan di kalangan pelajar sekolah. Melalui pertandingan forum ini diharapkanlah lahir satu model penggunaan bahasa Melayu yang sempurna dari segi penggunaan tatabahasa, sebutan dan keseluruhan gaya yang akan menyerlahkan keindahan bahasa Melayu itu sendiri. Dengan itu diharapkan akan lahir bangsa Malaysia yang meyakini bahawa bahasa Melayu ialah bahasa ilmu dan mencintai bahasa kebangsaan.

Acara ini dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Bahagian Sekolah-sekolah

Jabatan Pendidikan Sarawak dan Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Sarawak.

Setelah sembilan tahun dilaksanakan, acara ini telah menampakkan kejayaan dalam melahirkan pelajar yang berkebolehan dalam berhujah, melontarkan idea dan pendapat secara kritis dan rasional dalam bahasa Melayu. Keupayaan

Amar Dr. George Chan Hong Nam. Pertandingan yang telah diadakan di Dewan Perniagaan Cina Sibu ini telah menyaksikan sembilan buah pasukan berentap. Pasukan yang bertanding ialah S.M. Chung Hua No. 1, S.M. Chung Hua No. 3, S.M. Chung Hua No. 4, S.M. Min Lit Batu Kawa, masing-masingnya (dari Kuching), S.M. Jalan Riam (dari Miri), S.M. Katolik, S.M. Citizen, S.M. Wong Nai Siong masing-masingnya (dari Sibu)

Kebangsaan yang telah diadakan di Balai Tun Syed Nasir, DBP Malaysia, Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2001. Naib Johan pula telah disandang oleh S.M. Min Lit Batu Kawa dan tempat ketiga ialah pasukan dari S.M. Chung Hua No. 3.

Panel hakim juga telah dipertanggungjawabkan untuk memilih pengurus dan pemforum yang terbaik dalam pertandingan ini. Jong Phek Jim dari pasukan S.M. Min Lit, Batu Kawa Kuching telah dipilih sebagai pengurus terbaik manakala pemforum terbaik ialah Ivan Vun Jan dari S.M. Chung Hua No. 1, Kuching.

Y.B. Datuk Wong Soon Koh, Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan merangkap Penasihat Jawatankuasa Induk Pertandingan Forum Pelajar Peringkat Negeri Sarawak 2001 telah merasmikan pertandingan berkenaan dan telah menyempurnakan penyampaian hadiah. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Y.Bhg. Tan Sri Datuk Tiong Hiew King, Pengurus Persatuan Bersekutu Lembaga Pengurusan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Sarawak, Bahagian Sibu, dan Encik Jaraiee Sawal, wakil Pengarah DBP Cawangan Sarawak. Kedua-dua mereka merupakan Pengurus Bersama Jawatankuasa Induk Pertandingan Forum Pelajar Peringkat Negeri Sarawak 2001.

Secara signifikannya, acara majlis seumpama ini telah banyak membuka peluang bagi mendedahkan pelajar-pelajar bukan Melayu dalam aspek berfikir, berbicara dan berhujah dalam bahasa Melayu dan juga telah terbukti bahawa pelajar aliran Cina berkebolehan menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul.

Keseluruhan pertandingan, baik peringkat negeri maupun peringkat kebangsaan telah menyaksikan pencapaian yang semakin meningkat di kalangan peserta. Keadaan ini menampakkan perkembangan yang positif. JS




Syabas, S.M. Chung Hua No. 1 : Johan Pertandingan Forum Pelajar Peringkat Kebangsaan.

berinteraksi dan komunikasi dengan baik dalam bahasa Melayu amat berguna kepada pelajar dalam urusan pekerjaan mereka pada masa hadapan.


Bagi peringkat negeri Sarawak, Pertandingan Forum Pelajar telah diadakan pada 14 Julai 2001 bagi merebut Piala Y.B. Tan Sri Datuk

dan S.M. Ming Lik (dari Sarawak).

Setelah menjuarai pertandingan peringkat negeri selama tiga tahun berturut-turut, sekali lagi pada tahun ini S.M. Chung Hua No. 1 telah meraih gelaran juara dan sekali gus melayakkkan mereka untuk mewakili Sarawak dalam Pertandingan Forum Pelajar Peringkat Negeri Sarawak 2001.



Y.B. Haji Bolhassan Haji Di bersama Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan Ketua Unit Perniagaan sedang melihat buku-buku yang dijual pada Majlis Perasmian Jualan Gudang.



Persembahan teater Tergadai yang dipersembahkan oleh kumpulan Teater AKAR sempena Hari Sastera XII.



Abdillah S.M. bersama para karyawan seni di acara Malam Memperingati Seniman.



Peserta yang hadir di Majlis Penutupan Kursus Penataran Bahasa Melayu di Sekitar Pihak Berkuasa Tempatan (anak angkat Dewan) di Hotel Harbour View, Kuching pada 18 Mei 2001.



Puan Rohani Zainal Abidin, mantan Pengarah Jabatan Penerbitan menyambut ketibaan Y.B. Datuk Alfred Jabu di Majlis Pelancaran Buku Teksi Bahasa Iban bertempat di Hotel Telang Usan, Kuching pada 28 Mei 2001.



Tuan Haji Abdul Rahman Yusof sedang memotong kek sempena sambutan 45 tahun penuhnya Dewan Bahasa dan Pustaka di Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.



Kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak turut menyertai perbarisan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di Kota Samarahan.



Bangga... Tuan Haji Abdul Rahman Yusof bersama Sijil ISO 9002 di Majlis Penganugerahan Sijil MS ISO 9000 di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak pada 16 Julai 2001.



Antara staf Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak yang hadir di Majlis Penghargaan sempena Penganugerahan MS ISO 9000 di sebuah hotel di Kuching pada 16 Julai 2001.

Suatu Perjanjian

Akan kutanam setia
benih bunga buana
pada batas kemanusiaan
moga nanti
tumbuh mekar mewangi mewarnai taman kehidupan.

Akan kupasang
lampa harapan
pada setiap kamar malam
berbungkung bintang
memburu impian
merumahkan alam suram.

Aku tahu
duka kembara
masih mengimbau kenangan
sedangkan
lagu rindu
suara pujangga
merintih risau perjalanan
angin esok hari
mungkin menyorok janji.

*Lawrence A
KPGQ
PEBAS-Kuching.*

Aku Jadi Keliru dengan Merdeka

Kata cikgu
Malaysia adalah contoh negara merdeka
bebas dari telunjuk tangan penjajah
kerajaan kita perintah kita.

Tetapi aku
menjadi keliru dengan merdeka
budaya bangsa kita cukup mudah diubah
anak-anak sudah tak hormat ayah
orang kita tampak amat mudah dihasut
lalu kekayaan seringkali dimusnahkan
cemburu dan rasa iri.

Aku semakin keliru
kerana merdeka
hanya aturan huruf lampu neon
31 Ogos cuma sebuah hari dari sejarah politik kita
di sini walau di daerah kecil sekalipun
KFC mudah tumbuh bak kulat
lalu kita rupa-rupanya semakin lupa
enaknya ulam dan pedasnya dan sambal belacan.

Aku kekal percaya
kita kekal kalah
di telunjuk tangan penjajah!

*Desmond Manja bin Gasan
SMK Kanowit
7 Ogos 2001*

Aku Mencintaimu, Aduhai Hujan

Aku mencintaimu, aduhai hujan
ketika beristirahat di beranda nenda
zat ubi keledek dan aroma teh
mencipta wap kebeningen
merangkul susuk cintaku.
Aduhai hujan, ceritera tentangmu
tidak membosankan kerana dinginmu rahmat
yang tidak teraba oleh naluri
dan aku mula memetik senimu
di hujung atap yang bernama pengalaman.

Usahlah bersedih aduhai hujan
jika celopar penoreh dan rungut buruh
menyanyikan lagu nestapa pada tадahan nasib
kerana masih ada ucapan terima kasih
penanam itu berdoa awal tahun.
Aku mencintaimu, aduhai hujan
tatkala ceritera dari kota
hangat dalam dakapan duka,
sedangkan ada senyuman pembujuk itu
meniupkan kalbu nafsu membahangi dinginmu.

Usahlah berduka dengan ceritera itu
aduhai hujan, itu bukan kemahanmu.
Aduhai hujan kau tetap diredupi perasaan
meskipun dijarakkan babak musim peralihan
yang singgah bertamu lalu meminggirkan
makna penceraian dengan matahari.
Aku mencintaimu, aduhai hujan
redup kesetiaanku ketika rimbun pengertian
memayungiku atau ditegur kesilapan zaman.
Bukan mudah menciptakan dingin itu, aduhai hujan
jika unggul peribadi kelam, sedangkan kita
saling berkasilhan dalam pemahaman cita rasa
di halaman tahun. Aduhai hujan, aku mencintaimu
daerah pernikahan yang dimaharkan kesentosaan
tanpa jeda, tanpamu perkasihan kita tidak bersemi
dalam singgahsana zaman yang bernama kewujudan.
Aduhai hujan, aku mencintaimu tanpa sempadan kelam.

*Dahiri Saini
Unimas
28 September 2001*

Kerjaya

jika kerjaya ditangani tanpa sulaman rasa cinta
curahan tenaga berganda menggonggong minda
menuntun tenaga dan kemahanuan
menangkis rintangan -
dengan susah payah
untuk mencipta jaya -
penuh keluhan


jika kerjaya disulami rasa cinta
keinginan melonjak gembira
desakan tertawa girang
bagai angin menujah bahtera
yang berlayar lebih lancar
tanpa bahan bakar berlebihan
bertaut di untaian rasa -
inilah rezeki Allah taala

jika kerjaya disulami rasa cinta
kita kerja tanpa berkira
keringat bermanik tanpa kepayaan
kerja bukan bongkol neraka
tetapi anyaman senyum gembira
hujung hari akan menafikan kelelahan

jika kerjaya disulami rasa cinta
kerja berlapis kerja, kerja berlapik kerjaya
bertindih melata, banyak tak terkata
tanpa mengira masa

berpesta restu ketawa gembira
penuh di dada lapang
nakhoda senyum riang
di tiang layar bahtera
mencari hala kerjaya berjaya

*Jais Sahok
Kuching
4.2.98*



Tanpa cinta-mu tiada aku diciptakan

Di anjung ini
diam aku dalam qiam.
Merenung ke dasar menung
menatap kupu-kupu putih
terbang liar dari kuntum ke kuntum.
Mencicipi madu mencari nikmat.

Ini dunia arena topeng-topeng.
Maka
tiada kuberi erti pada derita
tiada kuberi makna pada bahagia.
Segalanya hanyalah dugarasa
musafir gelandangan.

Diri
berikan aku maaf.
Kerana kerapkali kunodai sucihati
kala leka mencumbui topeng-topeng.

Lewat kalam kekasih
kutemui nur-Mu
bersinar di kerdip doa.
Merendangkan syahdu kebesaran
melahirkan nikmat rasa bertuhan.

Kekasih,
temani aku dalam kembara ini,
kerana telah tiada kuberi erti
pada derita pada bahagia.
Kau saja yang abadi.
Tanpa cinta-Mu
tiadalah aku diciptakan.

*Rosani Hiplee
011099. kuching*

Angin Tengah Hari

Angis panas
Meniup pantas
Decipan burung
Semakin murung

Mungkinkah ada
Antara sama kita manusia
Berani mencabar diri
Membakar hati
Dalam api tengah hari

Apakah akan ada suatu detik
Bilamana gerimis
Turun memandikan bara tengah hari ini
Hingga kuyup menutup segala dongeng citranya
Tiada yang pasti

*Robby E
Tabuan Jaya*

Pertemuan di Edinburgh

Aku tidak pasti ini astana yang entah keberapa dilawati
setiap satu ada cerita dan ada sejarahnya ada yang penuh
dengan sejarah yang amat bersejarah
sejarah tersisip di setiap celah batu jalan
sejarah terpahat pada setiap dinding tua
sejarah terukir pada setiap bingkai jendela
sejarah terhampar pada setiap ruang kamar
sejarah segar dan mekar di setiap sudut laman
sejarah ada di mana-mana

Aku masih tidak pasti
ini astana yang entah keberapa dilawati
ada yang lebih bersejarah dari yang lain
ada yang lebih cerita dari sejarahnya
ada cerita-cerita yang ada sejarahnya
ada cerita-cerita yang tidak ada sejarahnya
sekadar cerita-cerita yang menceritakan sejarah
sekadar cerita-cerita yang menceritakan cerita sejarah

Demikian perjalanan hidup
setiap satu ada cerita dan ada sejarahnya
ada yang boleh dijadikan cerita penuh sejarah
ada yang boleh dijadikan sejarah penuh cerita
masing-masing ada tempat dan ada maknanya
ada yang hanya cerita-cerita tempat-tempat
ada yang menyurat dan menyirat sejuta makna


Dalam pertemuan-pertemuan dan penemuan-penemuan
begini
sebenarnya kitalah yang menentukan keceritaan dan
kesejarahan
setiap satunya.

*Adi Badiozaman Tuah
Edinburgh - Scotland*

Di Sebalik Kanvas

Sebuah
perjalanan
rasa di atas rasa
yang datang dari
Maha pencipta
ke atas insan
ciptaannya-Nya
yang ingin
mengambarkan
salinan wajah alam
jagatraya hujung hijau
bertemu jalin pangkal biru
buana di dada kanvas bisu
insan peka deria indera
ilham menjalar rasa
dari ruang ke ruang fikiran
segar segera menyusur pantas
tanpa batas dan sempadan saraf
lalu menyatu fantasi dan realiti
diri dalam diri yang penuh rahsia
penuh rangsang jisim dan jirim
merayap sedang segenap liang jasad
menjurus ke tangan terus ke hujung
mata arang tanpa halang
menarilah ia dengan irama naluri
rentak otak bertandak jari-jemari
langsung menjalin garis ke garis
yang terbit dari titik ke titik hitam
berlandaskan empat segi, tiga sempadan
dan bundar dengan komposisi indah
mencetus bentuk, rupa dan warna
sebuah puisi visual alam
menyatu dalam
tradisi rohani,
jasmani dan Robbani
lantas kanvas
bisu itupun
akhirnya bercerita
tentang
penciapaan
insan dan Tuhan
RAHSIA
disebalik
kanvas
alam
KUN

*Kelana Akira
Petra Jaya, Kuching
08 April 2001*



HAJI MADZIHI JOHARI

luah rasa cinta lewat lagu

oleh Husna

PERANANNYA dalam bidang penyelidikan dan penulisan sejak tahun 1960an ternyata begitu besar dan begitu berkesan sumbangannya. Hasil penyelidikan, pengkajian, penelitian dan penulisannya tentang bahasa, sastera dan lagu selain dapat menimbulkan kesedaran meluas dan mendalam kepada rakyat negeri Sarawak tentang keunikan atau keistimewaan khazanahnya, memperkenalkan nama negeri Sarawak di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.



Demikianlah petikan teks pengumuman penerima Hadiah Penyumbang Khas Bahasa dan Sastera Negeri Sarawak, 1998 sewaktu Haji Madzihi Johari menjadi pemenangnya. Haji Madzihi Johari barangkali tidak sepopuler penulis lain di bumi Sarawak, malah beliau tidak juga menghasilkan karya-karya yang boleh dianggap karya agung di persada dunia sastera di Sarawak. Beliau juga tidak mengubah lagu-lagu yang barangkali dikira evergreen oleh peminat seni suara tanah air. Namun dalam bidang bahasa, Haji Madzihi Johari adalah pengkaji dialek Melayu Sarawak yang pertama. Lagu-lagu gubahannya adalah citra masyarakat Melayu Sarawak. Puisi-puisinya adalah lambang adunan sejarah negeri Sarawak.

Dilahirkan di Kampung Hilir, Sri Aman pada tahun 1943. Haji Madzihi mendapat pendidikan awal di sekolah rakyat dan kemudian di Madrasah Melayu, Kuching hingga tamat tingkatan lima. Semasa bertugas di RTM beliau belajar secara persendirian hingga lulus peperiksaan Higher School Certificate (HSC) pada tahun 1969, dan membolehkan beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya

sehingga memperoleh BA (Hons) dalam bidang linguistik. Buku *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)* yang merupakan Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kajian ini merupakan penelitian perintis yang sangat memuaskan dan boleh dijadikan bahan yang teguh untuk segala kajian linguistik moden tentang dialek Sarawak (James T. Collins, 1983, Laporan Kajian Dialek Sarawak).

Haji Madzihi mula terlibat dalam bidang seni ketika masih bersekolah lagi. Beliau terlibat dalam pementasan bangsawan anjuran Masjid Bintangor Haji Taha untuk mengumpul dana bagi mendirikan sekolah rakyat Jalan Haji Bolhassan sekarang. Bermula sebagai pelakon, beliau menyerahkan bakatnya sehingga menjadi penulis skrip dan pengarah persembahan bangsawan.

Dalam bidang penulisan kreatif, bakat beliau dibuktikan apabila berjaya memenangi tempat pertama dua tahun berturut-turut dalam pertandingan menulis novel anjuran Borneo Literature Bureau (BLB) iaitu pada tahun 1967 dan 1968. Buku beliau iaitu *Lima Satria di Belantara* (1966), *Chandong Ajaib* (1966) dan antologi puisi *Yang Terpulas dan Terkandas* (1969) diterbitkan oleh BLB.

Bekerja dalam bidang penyiaran memberi beliau banyak ruang untuk memanfaatkan bakat yang ada. Lagu seperti *Puteri Santubong* dan *Perahu Tambang* dicipta hasil daripada pengamatan beliau yang teliti tentang sosio budaya masyarakat negeri Sarawak. Haji Madzihi mencurahkan rasa cinta dan semangat patriotiknya terhadap negeri kelahirannya melalui lirik-lirik lagu berkenaan. Lagu-lagu berkenaan meskipun tidak menduduki carta lagu popular namun tetap diminati ramai dan lagu *Puteri Santubong* telah diterima sebagai salah satu lagu rakyat Malaysia.

Menyedari sumbangan dan bakti yang tidak ternilai itu, panel Anugerah Sastera Negeri Sarawak telah memberi Hadiah Penyumbang Khas Bahasa dan Sastera Negeri Sarawak 1998 kepada beliau di majlis yang diadakan pada 13 September 1999 di Sibu. Hadiah ini diberikan khusus kepada mereka yang telah memberi sumbangan cemerlang terhadap perkembangan kebahasaan dan kesusteraan di Sarawak.

Bila ditanya tentang perkembangan bahasa dan sastera dan budaya negeri Sarawak sejak dahulu hingga ke hari ini, beliau melahirkan kegagumannya tentang perubahan mutakhir sastera di Sarawak. Menurut beliau kemunculan penulis-penulis baru dan sokongan pihak bertanggungjawab merupakan petanda baik dan sokongan pihak berwajib tentang aktiviti kepenulisan di sini. Meskipun menetap di Kuala Lumpur selepas bersara, namun beliau masih tetap mengikuti perkembangan penulisan di Sarawak dan sentiasa berharap medan penulisan di Sarawak

terus aktif.

Beliau turut menyatakan keberuntungan penulis sekarang untuk mengasah bakat dan berkarya kerana prasarana yang ada lebih luas berbanding dengan zaman beliau mula menulis dahulu. Penerbitan media cetak sekarang sama ada tempatan atau nasional menyediakan ruang untuk para penulis menyebarkan idea mereka. Kesudian beberapa pertubuhan korporat membayai sayembara saban tahun mampu mencungkil bakat baru yang meramaikan penulis dan juga menghasilkan karya pelbagai genre. Beberapa negeri di Malaysia turut memberi anugerah kepada para penulis yang menghasilkan karya berkualiti dan menampakkan betapa usaha murni para penulis dihargai dan disanjung. Hadiah-hadiah yang diberikan juga cukup lumayan berbanding masa dahulu. Kata beliau lagi, buku-buku yang diterbitkan hanya dijual sekitar lima puluh sen dan dua ringgit sahaja.

Kini untuk mengisi masa lapang, beliau penuhi dengan aktiviti bacaan dan belajar bahasa Arab. Di samping itu beliau juga tetap mengasah bakat dalam bidang penulisan dan kini sedang dalam proses menyiapkan novel. Menurut beliau, novel yang sedang diusahakan itu berlatarbelakangkan kehidupan dan pengalaman yang telah dilalui setelah lebih suku abad mengabdikan diri dalam bidang penyiaran dan seni!

Puteri Santubong

solo

Ooo...

Puteri Santubong Sejinjang sayang
kisah lamak zaman mensia maya
korus

Puteri Santubong, puteri Sejinjang
penjaga gunung negeri Sarawak
manis sik ada dapat dilawan
anak dak dewa turun kayangan
solo

Ooo... Santubong puteri
bertenun kain malam

Ooo... Sejinjang puteri
menumbuk padi siang
korus

Suatu hari nya duak kelaie
beranok-anok sik renti-renti
sorang madah dirik bagus agik
sorang sik kalah walau sampe ke mati
solo

Ooo... puteri Santubong
Sejinjang sayang
udah bermusuh berpanjang-
panjang...sayang
korus

Udah lejuk nya duak kelaie
lalu bertukuk nya duak puteri
Sejinjang mengayun aluk ke pipi
tebik Santubong sampe gitok ari

Tapi Santubong membalias juak
lalu ditikam batang berlida
sampe terkena Sejinjang kepala
lalu bertabur jadi Pulo Kera

Kisah Santubong kisah Sejinjang
asal berkawan jadi musuh
kinek tok tinggal jadi kenangan
pake ingatan sepanjang zaman



Hj. Madzihi bersama En. Chen Yeh Seng dalam satu majlis di Sibu.

SI AHMAD DAN IKAN PATIN

dilah semula oleh Jiso Rutan

SHAHRIN dan Maimunah ada tiga orang anak lelaki - Abu Bakar yang sulung, Ali yang tengah dan Ahmad yang bongsu, cacat penglihatannya. Kerja Shahrin suami isteri setiap hari adalah mencari dan menjual kayu api. Hidup mereka sekeluarga ibarat kais pagi makan pagi.

Pada suatu hari Shahrin yang selalu saja sakit-sakit telah berpesan kepada anak-anaknya. "Saya ini, entah esok, entah lusa, akan pergi meninggalkan kamu semua. Kamu adik-beradik rajin-rajinlah bekerja. Jangan malas dan jangan jadi perompak atau jadi pencuri. Kalau kamu merompak, atau mencuri, kamu akan dibenci orang," katanya.

Tidak lama kemudian Shahrin pun meninggal dunia. Selang beberapa lama selepas itu, Maimunah pula jatuh sakit kerana terlalu teruk bekerja lalu meninggal dunia. Sekarang jadilah Abu Bakar dan adik-adiknya yatim piatu.

Pada suatu hari, Abu Bakar yang sudah dewasa mengajak adik-adiknya mencari kayu api. "Sekarang bapa dan mak dah tiada. Kerja lain kita tidak tahu buat. Lebih baik kita kerja seperti mereka dulu," katanya.

Hari berikutnya mereka tiga beradik itu pun keluarlah, berdayung perahu untuk mencari kayu api. Pada mulanya Ahmad yang masih kecil tidak mahu ikut, tetapi dimarahi Abu Bakar. "Sudahlah kamu buta, malas pula. Siapa yang hendak beri kamu makan?" katanya.

Selepas kena marah, Ahmad pun terpaksalah mengikut mereka. Dalam perjalanan, Ahmad telah bertanya kepada kedua-dua abangnya itu apakah yang mula-mula sekali mereka inginkan kalau mereka menjadi kaya.

"Itu pula yang dia tanya! Tak apalah, kalau begitu, saya nak makan nasi sejuk dicampur gula apong," jawab Abu Bakar sambil menjuih bibirnya ke arah Ahmad.

"Saya pula, nasi dingin dicampur gula dan santan," jawab Ali sambil ketawa geli hati.

"Kamu pula macam mana?" Tanya Ali.

"Saya ini, lain yang saya ingin, bang," jawab Ahmad sambil tersenyum.

"Lain macam mana? Kamu jangan fikir yang bukan-bukan," kata Abu Bakar; terasa pelik mendengar kata-kata adiknya itu.

"Saya, kalau saya pandang ke depan, ada tuan puteri sedang mengupas buah raja (buah mempelam), kemudian dia menghiriskan buah itu lalu memasukkannya ke mulut saya," jawab Ahmad sambil tersengih.

"Celaka kamu! Sudahlah kamu buta, angan-angan pula bukan-bukan, tidak sedar diri," kata Abu Bakar yang tiba-tiba saja berasa jengkel dan geram dengan kata-kata

adiknya itu.

Tanpa berfikir panjang Abu Bakar terus mengangkat dan membuang adiknya itu ke dalam air. Selepas itu dia dan Ali pun terus berkayuh meninggalkan tempat tersebut dan membiarkan Ahmad terkapai-kapai dalam air.

Nasib Ahmad agak baik kerana tidak lama selepas itu ada seekor ikan patin berenang di sisinya. Lalu, Ahmad pun terus berpaut pada belakang ikan tersebut dan membawanya ke tebing sungai. Dengan demikian selamatlah dia daripada mati lemas. Sebelum ikan patin itu meninggalkan Ahmad, ia telah berpesan, "Mulai hari ini, kamu dan anak cucu kamu nanti tidak boleh makan ikan patin. Kalau kamu melanggar pantang ini kamu akan jadi buta," kata ikan itu.

Selepas itu Ahmad pun berjalan meninggalkan tebing sungai mengikut langkah kakinya, maklumlah orang buta. Tidak lama kemudian dia terdengar burung-burung sedang berkicauan di atas pokok sambil berkata sesama sendiri, "Kita tidak dapat menyimpan buntat sakti ini. Sayang, buntat ini! Kalau kita buta, lemah badan, atau sakit, kalau disapu pada bahagian yang berkenaan akan sembah," kata salah seekor daripada burung-burung tersebut.

Ahmad terkejut sekali gus terpegun mendengar kata-kata burung itu. "Kalau betul begitu, alangkah baiknya kalau saya dapat memiliki buntat tersebut," fikirnya. Lalu dia pun berjalan ke arah bunyi burung tadi. Apabila berada betul-betul di bawah dahan tempat burung tersebut hingga dia pun berhenti sambil mendengar lagi perbualan burung itu. "Kalau begitu kita buangkan saja buntat ini. Kita simpan pun buat apa," tambah burung itu lagi.

Apabila mendengar demikian, Ahmad pun cepat-cepat menghulurkan tangannya ke atas. Dia berharap dapat menangkap buntat yang mungkin akan dijatuhkan ke tanah oleh burung tersebut. Ketika itu juga burung tersebut telah melepaskan buntat tadi dan jatuh betul-betul ke telapak tangan Ahmad. Bukan main gembira lagi Ahmad apabila tertangkap benda itu. Tanpa bertangguh, dia pun terus berseru pada buntat tersebut sambil menyapu nyapu benda itu pada matanya sambil bermohon. "Wahai buntat sakti, celikkanlah mata dan penglihatan saya ini seperti mata orang lain juga!"

Tidak lama kemudian Ahmad pun mendapat penglihatannya mula pulih sedikit demi sedikit dan akhirnya pulih sepenuhnya. Bukan main girang lagi dia ketika itu. Buat pertama kali dalam hidupnya dia dapat menyaksikan keindahan alam di sekelinginya.

Selepas itu Ahmad pun berjalan meninggalkan tempat tersebut

sehingga dia sampai di rumah nenek kebayan. Kerana tidak tahu ke mana lagi arah hendak dituju dia pun meminta kebenaran untuk menumpang seketika di situ.

"Kecil tapak tangan nyiru saya tадahkan," jawab nenek kebayan. "Saya pun tinggal seorang diri di sini. Ada juga orang menemani saya, untuk menghalau kucing dan anjing. Saya pun sudah tua." Orang tua itu berasa senang dengan kedatangan Ahmad.

Mulai hari itu Ahmad pun tinggallah dengan nenek kebayan. Macam-macam kerja yang dilakukannya setiap hari - memelihara ayam dan kambing, membersih rumah, menanam pisang dan sebagainya. Lama-lama, berkat usaha dan kegigihannya, hidup mereka pun semakin senang.

Pada suatu hari tersebarlah berita tentang puteri raja yang sedang sakit tenat. Raja yang sudah terdesak sangat itu telah mengisyiharkan bahawa dia akan mengahwinkan anaknya itu dengan sesiapa saja yang sanggup menyembuhkan penyakitnya. Berita tersebut telah sampai ke pengetahuan Ahmad yang kini sudah pun dewasa. Apabila mendengar berita itu Ahmad pun ingin 'mencuba' nasibnya. Dia yakin puteri itu tentu cantik orangnya. Dia juga berharap buntat sakti yang masih dalam simpanannya akan dapat membantu.

"Macam mana kamu nak ubatkan dia? Kita ni orang miskin sedangkan orang kaya dan dukundukun lain yang terkenal pun tidak berupaya. Jangan-jangan kamu nanti akan dihukum oleh raja," kata nenek kebayan setelah dia mengetahui hasrat Ahmad.

"Neneh jangan bimbang. Belum cuba, belum tahu," kata Ahmad selamba. Dia memang sudah nekad. Neneh kebayan pun tidak dapat menghalangnya lagi.

Hari berikutnya Ahmad pun pergilah ke istana raja. Apabila dia sampai di sana dia telah dihalang oleh pengawal-pengawal di situ. "Kamu macam ini, banyak orang dan dukun lain pun tidak dapat berbuat apa-apa, inikan kamu," kata mereka.

"Tak mengapa, yang penting saya cuba. Kalau ada nasib, bagus. Kalau tiada, apa boleh buat. Kalau dibunuhi raja, lambat laun saya akan mati juga," jawab Ahmad.

Akhirnya pengawal terpaksa juga memberitahu kepada raja.

"Tak apa, tak apa. Suruh saja dia datang. Tidak kira siapa asalkan dia dapat menyembuhkan anak beta. Beta tidak peduli," kata raja.

Ahmad pun dibawa mengadap raja. Selepas itu dia dibawa melihat sang puteri yang sedang berbaring dalam kamar. Demi terpandang saja gadis itu, Si Ahmad pun terus terpesona dengan kejelitaannya. "Kalauolah saya dapat berkahwin denganannya," fikir Ahmad.

"Bagaimana, kamu

dapat mengubatinya?" Soal raja.

"Patik cuba dulu, tuanku," jawab Ahmad. Dia pun meminta segelas air kosong. "Tak payah penuh," katanya.

Apabila air itu dibawa kepadanya, dia pun memasukkan buntat sakti ke dalam gelas itu. Serentak dengan itu air dalam gelas itu pun mula bergejolak dan mendidih panas, dan dibiarkannya sejuk semula. Dia pun menyapu muka dan seluruh tubuh gadis tersebut dengan air tadi. Selepas itu diberinya puteri itu minum air yang masih berbaki.

Tidak berapa lama kemudian puteri itu pun mula menggerak-gerakkan badannya dan perlahan-lahan membuka matanya. Apabila terpandang saja Ahmad dan menyedari bahawa dialah yang merawatnya, gadis itu pun terus berkata, "Wahai orang muda. Nasib baik saya bertemu dengan kamu. Kalau kamu tidak mengubati saya, tidak akan dapat saya merasakan nikmat hidup di dunia ini lagi."

"Tak payah tuan puteri berkata begitu. Patik sekadar mencuba dan berusaha saja," jawab Ahmad berpura-pura.

Apabila raja mendapati anaknya sudah sembuh dia pun tidak teragak-agak lagi untuk melaksanakan niatnya untuk mengahwinkan anaknya itu dengan Ahmad. "Sekarang anak saya sudah sembuh, kamu berdua terus bernikah saja, jangan tunggu-tunggu lagi," katanya.

Ahmad yang seperti orang mengantuk disorong bantal bukan main lagi gembira. Bagaimanapun dia masih lagi mahu berpura-pura. "Tuanku, saya ini manalah padan berkahwin dengan anak tuanku. Dahlah rupa tiada, harta dan kedudukan pun tiada," katanya.

"Usahlah kamu fikirkan itu semua. Kedudukan seseorang terletak pada usaha dan kegigihan sendiri," pujuj raja.

Pucuk dicita ulam mendatang, fikir Ahmad dalam hatinya. Tahlulah dia kini bahawa raja memang ikhlas.

Ahmad dan puteri itu pun dinikahkan mengikut adat dan budaya orang di negeri tersebut. Setelah beberapa lama, datanglah berita tentang kedatangan abangnya Abu Bakar dan Ali yang selalu juga sampai ke negeri itu untuk menjual kayu api. Apabila mendengar berita itu, Ahmad pun memberitahu isterinya untuk menjemput mereka ke istana.

"Jemputlah mereka ke sini untuk makan tengah hari," katanya. "Tetapi untuk yang bernama Abu Bakar, kamu hidangkan sepinggan nasi sejuk bergaul gula apong; untuk yang seorang lagi, kamu hidangkan sepinggan nasi dingin bercampur santan dan gula," tambahnya.

"Kenapa macam itu pula?" Tanya isterinya hairan.

"Buat saja, tak usah ditanya-tanya. Nanti kamu akan tahu juga,"

katanya.

Kesokan harinya, apabila Abu Bakar dan Ali singgah di situ, isteri Ahmad pun mempelawa mereka ke istana. Pada mulanya, mereka keberatan juga kerana segan tetapi apabila puteri itu beria-ia benar menjemput mereka, mereka pun menurut saja. Mereka sebenarnya tidak menyangka langsung bahawa Ahmad masih hidup.

Apabila mereka sampai di istana, mereka dihidangkanlah makanan seperti yang disuruh oleh Ahmad. Abu Bakar terkejut dan tercengang apabila melihat hidangan tersebut. Melihat reaksi mereka begitu, lalu Ahmad bertanya. "Tidak tuanku, saya teringat kisah lama kami dulu. Masa itu kami masih kecil. Saya telah membuang adik bongsu saya yang masih kecil dan buta ke dalam laut kerana berasa marah dan jengkel setelah dia menceritakan angan-angannya yang bukan-bukan," kata Abu Bakar yang tidak mengenali Ahmad.

Apabila Ahmad menyedari abangnya benar-benar tidak mengenali dirinya baharulah dia memperkenalkan diri. Dia pun menceritakan segala peristiwa yang berlaku ke atas dirinya sehingga dia menjadi seperti sekarang. Abu Bakar dan Ali pun menangis mendengar cerita Ahmad itu dan memohon ampun dan maaf atas perbuatan mereka dulu.

"Perbuatan kamu berdua sudah saya maafkan. Kamu berdua ingatlah, selepas ini, kita yang hidup di bumi ini, jangan mencaci, menghina atau merendah-rendahkan orang lain, baik yang cacat, yang miskin mahupun yang hodoh. Orang cacat, hodoh atau miskin kadang-kadang boleh jadi sempurna, kacak atau kaya. Begitu juga orang yang sempurna, kacak atau kaya, boleh jadi sebaliknya," kata Ahmad panjang lebar.

Abang-abangnya berasa sangat kesal dengan perbuatan mereka, lebih-lebih lagi setelah mendengar nasihat yang bernes daripada adiknya. Bagaimanapun hubungan mereka kini pulih dan baik semula.

Ahmad juga menghadiahkan abang-abangnya dengan pelbagai harta benda sebelum mereka balik ke tempat asal mereka.

Ahmad pula terus menetap di negeri isterinya dengan aman damai. Ahmad juga tidak lupa akan pesanan ikatnpatin yang telah menyelamatkannya dahulu. Dia telah berpesan kepada anak isterinya dan cucu cicitnya supaya mematuhi larangan itu. Sebab itulah, sehingga sekarang masih ada orang Melayu yang tidak makan ikan patin mereka itu dikatakan daripada keturunan Ahmad dalam cerita ini. JS

Cerita ini disampaikan oleh Awang Saat bin Pengiran Jalai dari Kg. Baru Stumbin, Sri Aman.

"Buat saja, tak usah ditanya-tanya. Nanti kamu akan tahu juga,"

SASTERA LISAN BANJAR

SELAYANG PANDANG

Daud Pamungkas

Dosen Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia

Universitas Lambung Mangkurat, Banjarmasin

PENDAHULUAN

Sastera - terutama pada masyarakat lama di wilayah nusantara yang kini bernama Indonesia - merupakan sebahagian daripada kehidupan. Hampir tidak ada aspek kehidupan yang tidak melibatkan sastera. Sejak peristiwa kelahiran, sastera menjadi bumbu penyedap kegembiraan kepada para orang tua. Begitu juga masa kanak-kanak dan remaja sehingga dewasa. Ketika seseorang memasuki jinjang perkawinan, misalnya, juga tidak luput dari keterlibatan sastera. Sastera dan kehidupan ibarat dua sisi mata uang yang saling melengkapi. Hubungan antara keduanya sebagai simbiosis mutualisme. Karena itu, sastera dan kehidupan menjadi begitu intens dan sublim.

Lalu, di manakah posisi sastera lisan Banjar dalam konteks kesusastraan Indonesia? Ketika akan membicarakan sastera Indonesia, kita dapat menggunakan dua pendekatan yang agak berbeda, tetapi dengan hasil yang relatif sama. Pendekatan pertama bertolak dari segi bentuk dan isi kemudian dibedakan berdasarkan sejarah atau periodnya. Kedua, bertolak dari sejarahnya baru kemudian diidentifikasi bentuk dan isinya, seperti dalam buku Zuber Usman yang berjudul *Kesusasteraan Lama Indonesia* (1959).

Secara sederhana kesusastraan Indonesia di dalam buku-buku yang ada terbagi kepada dua: (1) Sastera Indonesia lama termasuk di dalamnya prosa seperti dongeng, hikayat, sejarah, riwayat, mitos, dan legenda; puisi seperti pantun, syair, bidalan, gurindam dan talibun; dan prosa liris; dan (2) Sastra Indonesia termasuk di dalamnya prosa seperti roman, novel dan drama; puisi seperti sajak atau puisi dan soneta; dan prosa liris seperti balada.

Mengacu pada pembagian di atas, sastera lisan Banjar seluruhnya tergolong dalam sastera lama, baik yang berbentuk prosa maupun puisi. Tulisan ini tidak dimaksudkan untuk mendiskusikan lebih detil semua sastera lisan Banjar yang ada. Sebab untuk itu, tentu saja diperlukan kesempatan tersendiri yang lebih luas. Ini hanya sebuah lintasan secara umum tentang hal-hal yang bersangkutan paut dengan sastera lisan Banjar, misalnya cara penyampaian, fungsi, situasi, perlengkapan, dan bahasa yang digunakan.

LINGKUNGAN PENYAMPAIAN SASTERA LISAN BANJAR

Berbicara tentang siapa yang memegang peranan dalam penyampaian sastera berarti membicarakan tokoh-tokoh yang dalam kehidupan sehari-hari mempunyai keahlian khusus dalam menyajikan sastra, baik kerana pendidikan atau turunan.

Secara umum orang-orang tua merupakan penutur utama sastera lisan Banjar. Dalam berbagai kesempatan mereka penyampaian kisah, hikayat, dongeng, dan sejenisnya yang mereka anggap sebagai kisah nyata sehingga disajikan dengan segala kesungguhan.

Muda-mudi pun merupakan penutur cerita yang berpotensi dan biasanya mereka menjadi penutur cerita-cerita humor yang kadang-kadang berbau porno. Dalam berbagai pertemuan biasanya pemuda atau pemudi saling bertukar kisah yang pernah mereka dengar. Sastera menjadi bumbu atau penghangat pertemuan sehingga pertemuan menjadi hidup dan tidak membosankan. Adalah menjadi suatu kebanggaan kalau salah seorang di antara mereka mempunyai kisah yang sangat memukau para pendengarnya.

Memang tidak semua sastera lisan bisa disampaikan oleh siapa saja. Alasan utama boleh jadi karena tidak semua orang menguasai cara penyampainya walaupun mengetahui materi cerita. Mungkin juga jenis sastera tersebut memang merupakan milik khusus kalangan tertentu, misalnya puisi yang mengiringi permainan anak-anak atau kisah-kisah porno yang dimiliki mudah-mudah saja. Di antaranya memang ada beberapa jenis sastera yang khusus disampaikan oleh penutur profesional.

Berikut beberapa penutur yang memerlukan keahlian khusus dan perlu penutur khusus.

A. PALAMUTAN, yakni seorang tukang cerita yang khusus mempunyai kemampuan menyajikan kisah lamut. Palamutan biasanya seorang laki-laki yang sudah berumur. Saat ini hanya tinggal beberapa orang saja di Kalimantan Selatan yang mempunyai ketrampilan sebagai palamutan (Sunarti, et.al., 1978:6)

Seorang palamutan sudah barang tentu harus mengetahui dua hal, yakni menguasai jalan cerita dan harus menguasai cara penyampaian, baik dengan tuturan biasa maupun

dengan tuturan yang berlagu dengan lirik-lirik tertentu. Selain itu, seorang palamutan juga dituntut mempunyai ketrampilan lain, membuat variasi dan selingan-selingan humor dalam jalan cerita yang disesuaikan dengan keperluan sebuah kisah lamut.

B. PAMADIHINAN, ialah penutur khusus puisi madihin. Pamadihinan biasanya laki-laki atau perempuan berusia sekitar tiga puluh tahun, meskipun demikian, faktor usia bukan penentu segalanya. Bakat dan lingkungan tampaknya juga penting. Sebab, ada seorang muda Jhon Tralala Yunior yang usianya kurang dari tiga puluh tahun ternyata mampu menjadi pamadihinan yang tidak kurang bagus dibandingkan dengan Jhon Tralala, bapaknya.

Baris-baris puisi madihin biasanya lahir spontan ketika penutur menyajikannya, selain memang ada yang sudah dihafal. Puisi madihin adakalanya disajikan oleh dua orang pamadihinan secara bersahut-sahutan.

C. PANYAIRAN, penutur khusus puisi syair. Penutur syair bisa seorang laki-laki, bisa pula seorang perempuan, dan biasanya sudah tua. Panyairan harus mampu menyampaikan cerita dalam bentuk syair tanpa teks. Bait demi bait syair dihafal dan diucapkan dengan lagu khusus.

D. PAALIRAN, yang dikenal sebagai pawang buaya, secara khusus menguasai mantra-mantra untuk berburu dan menangkap buaya. Ada semacam keyakinan dalam masyarakat Banjar, meskipun sulit dibuktikan dan diterima akal sehat, seorang paaliran mampu menjelaskan buaya dari pelapuk daun kelapa atau sejenisnya untuk keperluan balas dendam. Paaliran biasanya seorang laki-laki yang sudah lanjut usia dan mempunyai sifat pemberani serta sabar.

E. TABIB, merupakan tokoh penting dalam masyarakat desa sebagai tempat meminta pertolongan dalam berbagai hal. Seorang tabib mempunyai bermacam-macam ilmu, memberi pengobatan fisik, penyembuh penyakit mental, memberi pertolongan dalam berbagai macam kesulitan.

Seorang tabib mempergunakan bermacam-macam obat dan mantra. Dalam soal mantra inilah seorang tabib berperan sebagai penutur

sastra lisan secara turun-temurun. Tabib biasanya seorang pria atau pun seorang wanita yang telah berumur lanjut. Seorang tabib tentu selain harus menguasai mantra-mantra, juga sering mempunyai perbendaharaan kisah-kisah yang erat berhubungan dengan profesinya.

F. PAMANDAAN, umumnya laki-laki berusia antara dua puluh sampai empat puluh tahun. Seorang pamandaan perlu memiliki pergaulan yang luas dan sebagai syarat utama dia harus memiliki suara yang baik dan pandai membawakan tarian mamanda. Seorang pamandaan selain sebagai penutur cerita mamanda, juga sekali gus sebagai pelaku dalam pertunjukan mamanda. Seorang pamandaan perlu menguasai jalan cerita mamanda, mampu menyampaikan dialog, dan menyajikan pantun-pantun selingan dalam pertunjukan yang biasanya berlangsung tanpa skenario.

G. PAJAPENAN, ialah penutur pantun dan lagu jepen. Bahkan sering pula seorang pajapenan juga seorang penari jepen. Pajapenan bisa laki-laki, tapi bisa juga seorang perempuan yang berusia muda, bahkan kadang-kadang ada yang masih kanak-kanak.

H. TUKANG KISAH, merupakan penutur cerita rakyat yang mempunyai perbendaharaan kisah yang banyak. Tukang kisah yang biasanya seorang laki-laki yang menonjol dalam masyarakat, karena dalam pertemuan-pertemuan dia mampu menyajikan kisahnya dengan sangat menarik dan tentu saja menjadi perhatian orang banyak. Pada umumnya tukang kisah merupakan orang yang suka humor, mudah bergaul, tetapi bukan sebagai profesional.

I. DADALANG, sama dengan dalang dalam pengertian umum, yaitu seorang laki-laki penutur cerita wayang kulit Banjar. Keistimewaan dadalang adalah kemampuannya berdialog dalam bahasa Jawa Kuno bercampur bahasa Banjar, dan menguasai berbagai dialek bahasa Banjar.

J. GANDUT, ialah tokoh perempuan pembawa lagu-lagu dari bait-bait pantun erotis dalam pertunjukan bagandutan, sejenis ronggeng atau ledek Jawa.

FUNGSI SASTERA LISAN

Kejadian-kejadian penting dalam kehidupan sering dikaitkan dengan penyajian sastera, atau pertunjukan yang di dalamnya ada unsur sastra sebagai pelengkap materi pertunjukan tersebut. Kalau dilihat dari motif atau tujuan sastera lisan Banjar, dapatlah dipaparkan hal-hal berikut sehingga sekali gus akan tampak fungsinya dalam kehidupan masyarakat Banjar.

Hajat atau kaul merupakan tradisi yang berurat berakar dalam masyarakat Banjar, dan itu berlangsung turun-temurun. Agama Islam mengajarkan nazar, yaitu berbuat sesuatu setelah maksud tercapai sebagai tanda syukur kepada Tuhan Yang Agung.

Ada perbedaan antara hajat yang umumnya berlaku di dalam masyarakat dan nazar menurut Islam. Hajat biasanya dihubungkan dengan penyajian sastera dan pertunjukan atau kadang-kadang berziarah ke tempat yang dianggap berpengaruh terhadap kehidupan. Sedangkan nazar biasanya dibayar dengan perbuatan dan amal baik terhadap masyarakat.

Macam-macam penyajian sastera atau pertunjukan yang dihubungkan dengan hajat biasanya dibedakan oleh bentuk peristiwa dalam kehidupan, misalnya kelahiran, khitanan, perkawinan, dan sebagainya. Kepala keluarga yang berhajat, biasanya akan menyajikan suatu pertunjukan apabila peristiwa yang dihadapi berjalan selamat.

Hajat untuk selamatan dalam kelahiran putra atau ingin mendapatkan anak laki-laki atau perempuan biasanya disajikan pertunjukan lamut, madihin, wayang, atau andi-andi. Demikian pula dalam selamatan perkawinan, khitanan, atau sembah dari penyakit, masyarakat menggelar pertunjukan-pertunjukan seperti itu.

Karena itu, secara khusus sastera lisan Banjar bagi pemiliknya memiliki beberapa fungsi, antara lain, sebagai sarana hiburan. Penyajian sastera sebagai sarana hiburan sering dihubungkan dengan peristiwa kelahiran, perkawinan, atau khitanan. Sebagai pengisi waktu begadang (juga malam) biasanya diketengahkan kisah-kisah. Sedangkan pada perkawinan atau khitanan adakalanya disajikan lamut, madihin, atau andi-andi. Selain itu, pada acara perkawinan untuk memeriahkan malam pertama atau kedua, disajikan

pertunjukan wayang, mamanda, atau jaben.

Pertunjukan sastera seperti mamanda atau jaben kadang-kadang juga diselenggarakan pada waktu pasar malam, perayaan peringatan hari besar, atau menyambut tamu penting yang berkunjung ke daerah.

Fungsi lain sastera lisan Banjar adalah sebagai pemberi semangat kerja. Guna memberi semangat pada orang yang sedang bekerja selain disajikan hiburan, juga disajikan bentuk sastra lisan yang disebut Ahui untuk mairik (melepaskan butir padi dari tangkainya). Nyanyian tirk, lalan dan sebagainya juga bisa dibawakan oleh kaum wanita untuk memberi semangat kerja kepada orang yang sedang menuai padi ketika panas.

Untuk kepentingan yang berbau magis, sastera yang berbentuk mantra bisa digunakan. Misalnya, mantra pirunduk untuk melemahkan hati orang lain; mantra setiap memulai pekerjaan penting, misalnya menanam padi, menuai padi, membangun rumah dan sebagainya dengan tujuan mendapatkan berkah dan keselamatan.

Fungsi sastera lisan yang juga bisa dikemukakan adalah sebagai sarana pendidikan untuk mendidik pribadi anak dan muda-mudi. Untuk mencapai tujuan itu, biasanya disajikan oleh orang tua pada kesempatan tertentu. Materi untuk mencapai tujuan ini biasanya digunakan kisah-kisah datu, legenda, mitos, saga dan fibel. Sebagian cerita humor juga mengandung unsur pendidikan.

PENYAMPAIAN SASTRA LISAN

Ada dua jenis kesempatan penyampaian sastera lisan dalam masyarakat Banjar. Pertama, penyampaian dalam kehidupan umum, dan kedua penyampaian yang diatur dalam bentuk pertunjukan.

Pada kesempatan pertama, sastera biasanya disajikan pada pertemuan yang bersifat kekeluargaan. Dalam keseharian masyarakat Banjar, terutama yang bermata pencaharian bercocok tanam, mereka memiliki kesempatan yang banyak untuk berkumpul santai tanpa diburu waktu. Selain itu, warung kopi juga merupakan tempat mereka berkumpul pagi hari menjelang kerja, atau sore dan malam sehabis bekerja.

Malam hari menjelang tidur, sering pula mereka berkumpul di halaman rumah, atau dalam rumah bersama keluarga. Saat berkumpul seperti itu biasanya dituturkan kisah-kisah lama, maka lahirlah kembali bidal dan pantun.

Kesempatan berkumpul waktu kerja pun sering juga dipergunakan untuk menuturkan cerita atau pantun dan syair, tembang dan nyanyian. Misalnya, dalam bahanidan atau baarian (semacam gotong royong atau bekerja sama mengerjakan sawah secara bergiliran), waktu menanam atau menuai padi, selalu dipenuhi kisah, seloroh, pantun dan nyanyi.

Hal yang sama terjadi juga saat orang tua menidurkan anak atau cucunya. Orang tua mengisi

kesempatan itu dengan berkisah atau menyajikan hikayat yang isinya mengandung pendidikan. Begitu juga ketika seorang ibu mengayun anak kesayangan, biasanya sambil berpantun dan bernyanyi atau bersyair. Jika tidak si ibu akan mengumandangkan irama dendang ligun atau baandai (lagu menidurkan anak).

Pada pendayung perahu, malam-malam sambil memudiki sungai berpantun bersahut-sahutan sebagai pengobat penat dan lelah. Seorang penebang kayu di dalam hutan atau pengail di tengah danau menyindin (menembang) atau bernyanyi sebagai pengisi waktu istirahat.

Seorang yang akan mulai bekerja, komat-kamit membaca mantra untuk meminta keselamatan atau sukses pekerjaannya. Demikian, sastra menjadi kebiasaan umum masyarakat, terutama masyarakat pedesaan yang berlangsung sampai sekarang (Sunarti, et.al., 1978:10).

Kesempatan kedua adalah sastera disajikan dalam bentuk pertunjukan. Pelaksanaannya diatur dan dipersiapkan sebelumnya. Umumnya penyajian seperti ini untuk memenuhi hajat seseorang atau hajat orang banyak.

Hajat perseorangan, misalnya dalam acara perkawinan, kelahiran, khitanan, dan sebagainya. Sedangkan hajat orang banyak misalnya untuk menolak bala di desa, untuk mohon keselamatan dalam memulai pekerjaan bersama, membuka daerah persawahan baru, mulai memakai gedung atau bangunan baru, dan sebagainya.

Di antara peristiwa-peristiwa itu, peristiwa perkawinan merupakan peristiwa yang paling baik untuk penyajian sastera. Dalam perayaan perkawinan biasanya berkumpul hampir seluruh keluarga dari berbagai desa yang berjauhan. Begitu pula warga sekampung berkumpul bersama. Apabila orang yang mempunyai kepentingan langsung dalam perkawinan ini, yakni orang tua atau keluarga mempelai tidak merencanakan pertunjukan apa pun, maka ada saja tetangga yang berinisiatif mengurus penyelenggaraan pertunjukan untuk penduduk desa.

Perayaan hari-hari besar pun biasanya dimanfaatkan masyarakat untuk menyajikan pertunjukan yang ditujukan guna memeriahkan dan sebagai hiburan umum. Pada saat seperti itu biasa disajikan wayang, mamanda, jaben, dan sebagainya.

BAHASA YANG DIGUNAKAN

Sastera lisan Banjar secara umum disampaikan dengan menggunakan bahasa Banjar dalam berbagai dialek. Tapi, kalau diperhatikan dengan teliti, sesuai dengan keadaan zaman dan tingkat kemajuan masyarakat, pengaruh bahasa daerah lain dan masuknya bahasa Indonesia ke perdesaan sering terbayang dalam tuturan masyarakat Banjar.

Bahasa Arab yang masuk bersama masuknya agama Islam besar pula pengaruhnya dalam tuturan

umum dan dalam sastera baik prosa maupun puisi. Hal itu lebih-lebih tampak dalam mantra. Dalam mantra sering bercampur aduk antara bahasa Banjar dan bahasa Arab dalam doa-doa secara Islam.

Kebudayaan Hindu pun berbekas dalam sastera. Tak jarang bisa ditemukan kata-kata Sansekerta dan Jawa Kuno, misalnya dalam wayang. Namun, tentu saja unsur bahasa Melayu cukup dominan dalam bahasa dan sastera Banjar.

Hajat atau kaul merupakan tradisi yang berurat berakar dalam masyarakat Banjar, dan itu berlangsung turun-temurun. Agama Islam mengajarkan nazar, yaitu berbuat sesuatu setelah maksud tercapai sebagai tanda syukur kepada Tuhan Yang Agung.

Ada perbedaan antara hajat yang umumnya berlaku di dalam masyarakat dan nazar menurut Islam. Hajat biasanya dihubungkan dengan penyajian sastera dan pertunjukan atau kadang-kadang berziarah ke tempat yang dianggap berpengaruh terhadap kehidupan.

Sedangkan nazar biasanya dibayar dengan perbuatan dan amal baik terhadap masyarakat.

Puisi

AKU BERTERIAK MEMANGGIL-MU

Aku berteriak memanggil-Mu
Saat kekasih pergi
Tak lagi sesiapa yang mampu mengawalnya
Di dalam perjalanan abadi seorang diri

Aku berteriak memanggil-Mu
Agar kedatangan kekasih tak sia-sia
Ada tangan Kau yang mengulur ke arahnya
Menuntutnya di ruang tunggu pada istirah panjang

Aku berteriak memanggil-Mu : Allah!
(dengan airmata pasrah yang tumpah bersama benteng kesabaran yang bergetar hebat)

Seraya menyerahkan kekasih seutuhnya
Diiringi kalimat penuh harap
Hanya pinta anak
Yang mampu di bawa Bapak
Tuk mengetuk kasih sayang Kau

*Odhys
Pontianak, awal juli 2000*

KEPADA YANG GUGUR TANPA KECUALI

Dalam renungan suci ini
tanah kuberpijak menjadi cermin
tentang semilir angin dan rinai gerimis
mengantarkan jasad
ke maha tenang ia berangkat

Dalam renungan suci ini
kuhadirkan kembali pekip-derap
dan gemuruh yang membadi
(bunga gugur
bunga tumbuh dan mekar)

Dalam renungan suci ini
kufahamkan bisik-bisik gambar
yang terpampang di setiap ruang dan waktu
ada tali merah membentang antara kita
dan keteguhan hati itu
telah memanggil nyaliku untuk bergerak
ke depan

*Ali Syamsudin Arsi
1998*

Pelbagai Usikan Sebelum PERSIMPANGAN

oleh Jais Sahok



Pengenalan

Persimpangan ialah buku saya yang kedua puluh tujuh (27). Novel ini tidak terhasil melalui peraduan atau bersempena apa-apa aktiviti kesusasteraan. Penghasilannya adalah secara semula jadi – melalui rangsangan dalaman yang tinggi dan melalui kehendak nuriahnya (*writer's itch*) untuk memasarkan sebuah karya yang mesejnya unik berbanding karya peribadi yang telah sudah.

Dari segi usia, novel ini masih muda (mungkin juga mentah). Walaupun masih muda, saya berasa sambutan terhadapnya daripada pelbagai pihak adalah pelbagai. Perbincangan pertama tentangnya dilakukan oleh Saudara Hazami Jahari di SMK Lumba Kuda. Kali kedua, oleh Saudara Hazami Jahari juga, di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur – majlis perbincangan karya ‘penulis muda’ bersama-sama empat buah karya yang lain. Kemudian ada dua tiga orang pelajar pusat pengajian tinggi menghubungi saya, menyatakan mereka menjadikan karya saya itu sebagai teks kupasan/ perbincangan / kajian ilmiah. Terima kasih.

Kandungan Persimpangan

Jika dilihat dari segi isi kandungannya – kata beberapa orang teman – novel ini berunsurkan Islam. Malah ada kawan yang melihatnya sebagai ‘novel Islam pertama Sarawak’ atau apa-apa sahajalah maksudnya. Ada benarnya kerana usikan yang mendatangi saya ketika ada dorongan yang mendesah untuk menaip dalam proses penghasilannya ialah kehidupan, penyesalan, dosa, derita, yang rata-rata hadir selepas atau bertimbang balas dengan kematian, kesukaan, pahala, bahagia – dibelenggu pula oleh kesilapan-kesilapan seperti arak, judi, perempuan, penipuan, makanan haram di samping tersisihnya tanggungjawab awal terhadap anak-anak yang dilahirkan.

Sebilangan anak itu berjaya, sebilangan pula secara lojiknya gagal dan kecewa. Lebih pedih, watak utamanya menderitai serangan angin ahmar yang perlahan-lahan membawanya ke ambang inau.

Genre Cerpen dan Drama

Pada peringkat awalnya, saya menghasilkan cerpen - atas judul yang sama dan disiarkan dalam *The Borneo Post* berjudul **Empat Persimpangan** pada tahun 1956. Oleh sebab usikan tema dan seluruh aspek sasteranya begitu menggoncang seluruh diri saya – kadang-kadang fikiran saya harus berarah kepada sensori diri yang sentiasa ingin akan tema ini dimasyarakatkan, maka terhasillah sebuah drama pada tahun 1989 dengan judul yang sama - *Empat Persimpangan*. Kebetulan ketika itu Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak menganjurkan peraduan mengarang sastera kreatif lalu drama ini saya hantar untuk tujuan itu dan kebetulan juga *Empat Persimpangan* memenangi Hadiah Saguhati dalam peraduan itu dan 12

Dalam keadaan begini, lebih-lebih lagi saya sendiri memang amat rapat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (rumah pun dekat juga) rangsangan itu amat kuat.

Novel

Dalam masa yang sama usikan daripada cerpen dan drama tadi dalam diri masih ganas. Kadang-kadang saya

tahun kemudian diantologikan dalam

Tukang Ensera.

Ketika drama *Empat Persimpangan* dihasilkan, saya masih belajar di UPM dan mengikuti kuliah Drama dan Penulisan. Skrip drama pentas yang diberikan sebagai tugasannya ialah karya Eneik Taha Abdul Kadir. Maka *Empat Persimpangan* membantu saya lulus dengan baik.

Secara peribadi, saya memang mudah terusik – ini pun kata kawan-kawan juga – ada yang kata saya sensitif – perasa atau apa-apa sahajalah. Yang pasti, jika ada sesuatu yang amat mengusik saya, perkara itu mesti saya rakam dan rakaman yang terbaik adalah melalui tulisan. Kebetulan saya sudah mencebur dalam sastera, maka rakaman itu saya buat

dalam pelbagai genre karya. Jika usikan sesbuah kisah itu amat mendalam, menggilakan dan merangsangkan, kepuasan metalui cerpen dan drama demikian belum memadai – lebih-lebih lagi ketika saya baharu pulang dari universiti (November 1988) Sarawak masih dibelit oleh pelbagai kalimat yang menyakitkan ‘penulis Sarawak tidak banyak menulis. Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak tiada atau ketiadaan atau kekurangan karya penulis tempatan untuk diterbitkan.’ atau ‘sukar hendak mencari karya bermutu untuk diterbitkan’ atau pelbagai ayat lain yang maksudnya hampir sama.

Dalam keadaan begini, lebih-lebih lagi saya sendiri memang amat rapat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (rumah pun dekat juga) rangsangan itu amat kuat.

Novel

Dalam masa yang sama usikan pada usikan cerpen dan drama tadi dalam diri masih ganas. Kadang-kadang saya

tersandar di kerusi sandar ‘menderitai’ rangsangan demikian. Di kampung saya, lima enam tahun sebelum itu, baharu pertama kali dalam hidup saya, ada dua tiga orang lelaki dalam usia 50-an menderitai penyakit *stroke*.

Maka saya usahakanlah novel ini secara perlahan-lahan tanpa tujuan penyertaan dalam mana-mana peraduan atau seumpamanya – sehingga siap. Saya tidak ingat bila saya menghantarnya ke Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak untuk diterbitkan.

Pergolakan keluarga di kalangan pesakit serangan angin ahmar ini sebenarnya amat dahsyat. Kasih sayang sudah tiada lagi. Kesabaran entah tersembunyi di mana.

Lalu saya bertanya kepada diri sendiri – mana Islamnya manusia yang pernah mengucap dua kalimah syahadah ini? – mana eratnya hubungan suami isteri yang pernah akad nikah ini? – mana kasih sayang? – mana iman? – ke mana perginya kemanusiaan? – ke mana perginya perasaan... sudah menjadi binatang manusia kerana belenggu sejenis penyakit bernama *stroke* itu?


Saya enggan lupa akan rincian pergolakan itu, maka saya cuba ingat kesemuanya, cuba gali kesemuanya, cuba dekatkan kepada ajaran Islam dengan pengetahuan saya yang ada, cuba saya wajarkan hakikatnya – paling penting saya mahu ‘kongs’ pengalaman ngeri kerana usikan itu dengan masyarakat pembaca – betapa hidup ini boleh jadi demikian dahsyat.

Memanglah pengakhiran novel ini tidak begitu saya gemari kerana watak yang menderita *stroke* terpaksa saya matikan – gaya penulisan saya pada usia itu dan pada peringkat itu tetapi liku-liku proses penemuan mati itu – kalau dapat saya kisahkan kepada semua keluarga yang ada ahlinya kena *stroke* mahu rasanya saya lakukan.

akan dedahkan kesemuanya. Sesiaapa yang berjaya kelak, tahniah daripada saya.

Kesimpulan

Saya tidak pernah melakukan kerja ini memperkatakan proses saya menghasilkan karya diri sendiri kerana saya beranggapan itu rahsia peribadi. Tulisan ini saya anggap penghargaan saya yang setinggi-tingginya terhadap/kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak kerana penerbitan buku ini. Jika kandungan buku ini mampu mengusik pembaca sekalian seperti terutskinya saya kerana faktor-faktor kemanusiaan yang bergolak dalam diri dan antara manusia kerana sejenis penyakit (sekecil itu) terima kasih. Jika anda membaca buku ini, terima kasih. Jika anda sayang kepada buku ini, saya menghasilkannya secara ikhlas dan jujur. Wassalam. JS



PERJUANGAN YANG TIADA AKHIRNYA

oleh Alok

SEBAGAI manusia yang serba kekurangan, hanya ketabahan hati untuk melalui liku-liku hidup yang semakin mencabar sahaja yang memungkinkan kehidupan yang lebih bermakna. Insan yang tidak berdaya akan terus tidak diendahkan dan terus diperhambakan. Begitu juga dengan mereka yang tidak berusaha untuk melepaskan diri daripada belenggu penjajahan.

“Merdeka! Merdeka! Merdeka!”

Rakyat Tanah Melayu menyambut kemerdekaan setelah sekian lama dibelenggu penjajah.

Begitulah perkara yang berlaku kira-kira 43 tahun yang dahulu. Aku dan isteri terpaksa bersesak dengan ribuan rakyat bagi menyambut hari kemerdekaan.

Sesungguhnya segala jerih perih yang terdahulu telah terbayar dengan jumlah yang tidak ternilai harganya setelah sekian lama melalui kepedihan hidup. Melalui kesengsaraan hidup yang mampu meragut nyawa dalam sekilip mata.

Segala yang telah berlaku masih terbayang-bayang dalam fikiranku. Bunyi letupan masih terngiang-ngiang di telingaku.

“Tolong! Tolong! Tolong!”

Jeritan penduduk kampung pada malam itu memecah kesunyian setelah sekian lama dihimpit keresahan. Mereka yang sudah lama lelap terjaga daripada tidur. Bagi yang tidak bernasib baik, pergi buat selama-lamanya. Pergi yang tidak akan kembali. Yang masih hidup lari bertempiaran untuk menyelamatkan diri. Apa yang pasti nyawa setiap penduduk adalah seperti telur di hujung tanduk. Silap langkah pasti akan membawa maut. Letupan bom di mana-mana. Burung besi tentera Jepun terbang ke hulu dan ke hilir sambil menjatuhkan bom. Rumah papan tidak mampu untuk menahan semua itu. Apa yang tinggal cumalah tiang-tiang yang patah. Tiang-tiang yang menunggu masa untuk menyembah bumi.

“Bukankah aku sudah katakan yang mereka pasti akan datang untuk menawan kampung kita ini!” tegas Halim.

Memang tepat sekali apa yang dikatakan oleh Halim. Mereka pasti akan datang dan semuanya telah terbukti benar. Mereka datang untuk menawan kawasan perkampungan yang selama ini aman damai, tidak kira siang sehingga terbenamnya sang suria. Namun, segalanya bertukar menjadi mimpi ngeri. Kicauan burung serta bunyi unggas-unggas telah bertukar kepada bunyi tembakan dan letupan. Mayat-mayat bergelimpangan di seluruh kawasan perkampungan dalam pelbagai keadaan. Ada yang berlumuran darah, malah tidak kurang

juga yang telah putus kaki atau tangan mereka. Dahsyat dan ngeri.

Rasa hendak muntah aku dibuatnya. Kini baru aku rasa yang kata-kata Halim itu benar. Tanpa berfikir panjang, aku membawa isteri dan anak-anakku meninggalkan kawasan perkampungan. Di situ aku dilahirkan oleh ibu. Malangnya ibu meninggal dunia setelah melahirkan aku ke dunia. Bapalah yang membesarakan aku. Namun, ketika aku berumur 5 tahun, bapa telah hilang buat selama-lamanya. Bapa tersesat di dalam hutan. Menurut kata penduduk kampung, bapa berkemungkinan menjadi mangsa binatang buas. Aku tidak percaya dengan kata-kata mereka. Aku meraung-raung bagaikan orang gila. Jika betul apa yang dikatakan oleh mereka, tinggallah aku sebatang kara.

“Mengucap nak, mungkin Tuhan lebih sayangkan bapamu,” kata Pak Hadi sambil menepuk-nepuk bahuiku.

Perasaan percaya dengan apa yang telah terjadi mula aku rasai setelah sekian lama bapa tidak pulang. Malah, usaha mencari bapa menemui jalan buntu. Semenjak kehilangan bapa, aku telah dijaga oleh Pak Hadi. Pak Hadi yang membesarakan aku. Maklumlah dia tidak mempunyai anak. Tambahan pula, dia tinggal sebatang kara setelah pemergian isterinya. Pak Hadi seorang yang kuat berpegang teguh kepada ajaran agama. Pak Hadi tidak jemu-jemu menasihatiku supaya menjadi orang yang beriman dan sanggup berkorban demi tanah air tercinta. Menegakkan keadilan. Merampas kembali hak yang sepatutnya dimiliki.

“Bapak, bapak, Saiful di mana?” Tanya anakku.

Di dalam hatiku tertanya-tanya ke mana pula perginya anak sulungku itu. Aku bergegas keluar dari rumah untuk mencarinya. Setelah puas mencari, aku ternampak Saiful berada di bawah sebatang pokok sambil menangis teresak-esak. Di hadapannya kelihatan sekujur mayat yang tidak bernyawa lagi. Mayat yang amat aku kenali. Mayat orang kesayanganku.

“Bapak, bapak ... Tuk Ha ... di!” Saiful.

Anakku amat menyayangi Pak Hadi. Malah dianggapnya sebagai datuk sendiri. Pak Hadilah yang menjaga anak-anakku ketika aku dan Halim turun ke bendang untuk mengerjakan sawah bagi menyara hidup. Ternyata Tuhan lebih sayangkan Pak Hadi. Aku berlari mendapatkan mayat Pak Hadi. Mayat Pak Hadi aku dakap erat. Niat di hati hendak kudakap selama-lamanya. Namun, kehidupan harus diteruskan. Nyawa keluargaku harus diutamakan. Aku harus tabah mengharungi segala-galanya.

“Sudahlah tu bapak, orang yang dah pergi tak akan kembali,” nasihat Saiful.

“Maafkan aku, Pak Hadi, aku tidak dapat menyemadikan mayatmu dengan sempurna. Segala jasa Pak Hadi selama ini akan aku balas pada hayat yang akan datang. Semoga dirimu dicucuri rahmat.”

Aku dan Saiful terus berlari mendapatkan isteri adan anak-anakku yang lain. Tanpa melengahkan masa, kami terus berlari bersama-sama penduduk lain yang masih terselamat. Dari jauh aku nampak api yang masih marak menjilat rumah dengan bunyi tembakan yang masih kedengaran. Aku berasa amat malu. Sedangkan haiwan yang tidak berakal mempunyai perasaan belas kasihan, ini tidak, manusia sanggup melakukan apa sahaja untuk memenuhi tuntutan nafsu ketamakan kuasa. Yang tidak berdaya ditindas. Kejamnya manusia.

Setelah mlarikan diri dari kampung halaman selama berjam-jam lamanya, kami pun berhenti untuk melepaskan penat lelah. Sang suria yang memancar sinarnya di setiap pelosok kawasan amat menyilaukan mata.

“Kem tentera British tidak jauh dari sini,” kata Halim. Selama ini aku menganggap Halim sebagai musuh. Halim kuanggap tali barut tentera Jepun. Peristiwa itu bermula semenjak aku berjaya menawan hati seorang gadis yang secantik bidadari pada anggapan penduduk kampungku. Gadis cantik itu telah menjadi isteriku. Aku sangkakan yang Halim akan membenciku. Ternyata sangkaanku jauh meleset. Aku malu kerana mencurigai Halim selama ini. Halim masih menganggap aku sebagai kawan. Aku tidak percaya yang manusia baik hati masih wujud dalam dunia ini. Halimlah orangnya. Walaupun pegangan agamanya tidak sekuat aku, namun hatinya adalah lebih mulia berbanding denganku.

“Ahmad, aku mahu engkau menjadi pembantuku dalam operasi memindahkan penduduk kampung kita. Sekiranya kita tertangkap, kita akan diseksa,” Halim memberitahuku.

Aku maklum tentang penyeksaan yang dilakukan oleh tentera Jepun. Kejam. Lebih baik mati, daripada mengalami penderitaan. Tentera Jepun memaksa tawanan meminum air sabut dengan banyak sehingga kembang perut. Kemudian, perut tawanan akan dipijak sehingga air yang diminum terkeluar semula. Begitulah cara penyeksaannya. Adakah perkara itu sesuatu yang menyeronokkan? Mereka yang tidak dapat bertahan akan mati.

Halim memberikan aku selaras senapang patah. Betapa hairannya hatiku. Kalau cangkul, boleh aku gunakan untuk melakukan aktiviti

harian sebagai seorang petani. Tetapi ini tidak, selaras senapang patah. Seumur hidup aku, tidak pernah aku menggunakan senapang. Kejam dan dahsyat cara penggunaannya. Kalau setakat pegang mungkin pernah. Itu pun semasa Pak Hadi mengeluarkan senapangnya dari dalam almari dan menyuruhku membersihkannya.

“Pak Hadi,” tiba-tiba terkeluar nama Pak Hadi dari mulutku.

“Mengapa ni bapak,” tanya Samad. Aku mempunyai tiga orang anak hasil perkongsian hidup dengan Halimah. Anakku yang seorang lagi bernama Samad. Merekalah yang menceriakan hidupku dengan telatah-telatah mereka. Mereka sedia menunggu pada setiap petang di depan pintu rumah. Pada sebelah malam, aku mengajar mereka mengaji al-Quran bersama-sama anak jiran. Penat dan lelah aku tidak hiraukan walaupun setelah sehari bermandi peluh. Apa yang penting ialah melakukannya kehendak-Nya. Melakukan segala suruhan-Nya.

Kami tiba di kem tentera British ketika matahari hampir terbenam. Perasaan bersyukur terhadap-Nya kerana terselamat. Dan hari ini, negara kita telah bebas dari belenggu penjajahan. Aku berasa amat gembira. Anak-anakku semuanya telah dewasa. Saiful bekerja sebagai doktor bedah di hospital kerajaan. Samad pula menjadi pengarang di bawah naungan Dewan Bahasa dan Pustaka. Hasmah pula besama suaminya di England. Aku dan isteri hidup serba mewah di sebuah banglo bersama Saiful.

“Semuanya sudah berakhir,” kata isteriku.

Memang benar peperangan dan perjuangan sudah tamat. Namun perjuangan bagi meneruskan kehidupan belum ketentuan lagi.

“Pak Hadi akan aku ingat segala pengorbananmu terhadapku.”

“Eh, bagaimana pula dengan Halim, sahabatku?” Tiba-tiba persoalan itu terlintas di fikiranku.

Apa yang mungkin, Halim bertugas sebagai anggota tentera. Apakah pangkatnya? Apa yang pasti pengalaman Halim akan membolehkan dia mendapat pangkat yang tinggi. Sudah beristerikah dia? Takdir juga yang akan menentukan pertemuan kami sekiranya telah tersurat. Hanya menunggu waktu dan masa yang sesuai. JS

Cerpen ini telah memenangi tempat pertama hadiah Penulisan dan Penerbitan Majalah Sekolah Menengah Negeri Sarawak 2001 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

BACH

Adakah memang benar bahawa pembaca itu lebih peka terhadap salah cetak daripada salah fikiran.

(*Kung fu Tsu*)

Jangan membaca untuk menyangkal, jangan percaya sepenuhnya, jangan pula untuk percakapan, tetapi untuk berfikir dan mempertimbangkan.

(*Bacon*)

Jika membaca terlalu cepat atau terlalu lambat, kita tidak akan mengerti apa-apa.

(*Pascal*)

Perjalanan Hidup

(dedikasi buat warga kecil Sainsri)

Andai ditakdirkan dalam perjalananmu
Kau jatuh tersadung batu
Rawatlah sakit dan lukamu
Kerana nanti di suatu masa
Akan kau temui kenikmatannya

Andai ditakdirkan dalam perjuanganmu
Kau tewas di perbatasan
Bangunlah dari rebah
Kerana nanti di suatu masa
Akan kau temui kemenangannya

Andai ditakdirkan dalam pelayaranmu
Bahtera hanyut hilang haluan
Kibarkan kembali layarnya
Kerana nanti di suatu masa
Akan kau temui pelabuhannya

Andai ditakdirkan dalam percintaanmu
Cinta punah di dahan rapuh
Tabahkanlah hatimu
Kerana nanti akan kau temui
Cinta suci nur Illahi...

dwanza2000@hotmail.com.

Puisi ini telah memenangi tempat pertama
Hadiah Penulisan dan Penerbitan Majalah
Sekolah menengah Negeri Sarawak 2001
anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak dan Jabatan
Pendidikan Negeri Sarawak.

Panorama-Mu...

Di sini di kaki gunung
Tersergam sebuah mahligai
Di sinilah aku
Belajar hidup berdikari

Di sini di kaki gunung
Jauh dari kesibukan kata
Aku diasuh, aku dididik
Menjadi insan berguna

Di sini di kaki gunung
Di hampari permaidani hijau
Yang sentiasa segar
Nun jauh di sana
Bertaburan pasir-pasir halus
Kelihatan, seakan butir-butir mutiara

Di sini di kaki gunung
Tiupan angan sepoi-sepoi
Memberikan kedamaian
Membuatkan aku tertawan
Di sini aku tetap setia
Mengagungkan PANORAMA-MU...

*Hasil Nukilan
Nosataia, Sarrini, Marlia 2 Bestari*

*Puisi ini telah memenangi hadiah saguhati
Hadiah Penulisan dan Penerbitan
Majalah Sekolah menengah Negeri
Sarawak 2001 anjuran Dewan Bahasa dan
Pustaka Cawangan Sarawak dan Jabatan
Pendidikan Negeri Sarawak.*

Sanggul Ibu

Kulakar kehidupan
Di atas peta terbentang
Pada tubuh kurus seorang
Wanita tua

Jerihmu menyemai benih
Keringat yang membajai tanah
Ibu...sebagai anak aku harus berterima kasih

Betapa kini anakmu ini
Terlalu dalam
Menarah lukanya
Kembali berdarah
Dengan meminta-minta
Hujan air mata
Yang bukan milikmu percuma
Untuk kaulimpah
Pada bumi mereka

Tetaplah ibuku
Dengan sanggul ikat rambutmu
Dan percayalah
Ini anakmu
Akan gemilang
Bak mentari pagi
Dan pahat ukir namamu

Willie Lister Kerr

Puisi ini telah memenangi tempat kedua Hadiah
Penulisan dan Penerbitan Majalah Sekolah
menengah Negeri Sarawak 2001 anjuran Dewan
Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Dugaan dalam Kehidupan

Detik-detik penantian telah kuharungi
dalam mengharap kebahagiaan yang
tak pasti
benarlah kata pujangga
hidup tak selalunya ceria
derita tak selalu melanda

Namun, itulah yang terpaksa
kutelan
sebenarnya keterpaksaan
menyeksakan
telah kugarap dengan kesungguhan
bersama-sama doa dan harapan
untuk sebuah perkataan bernama
kecemerlangan

Biarlah semuanya berlabuh
akan kugagahi untuk menongkah
arus
selagi aku masih terdaya
kerana aku yakin dengan
kekuasaan-Nya
ada hikmah di sebalik setiap
peristiwa
sesungguhnya takdir penentu segala

*Nukilan,
WNZ
15/0108*

*Puisi ini telah memenangi tempat
ketiga Hadiah Penulisan dan
Penerbitan Majalah Sekolah
menengah Negeri Sarawak 2001
anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
Cawangan Sarawak dan Jabatan
Pendidikan Negeri Sarawak.*

Perjuangan Tokoh

Lahirnya engkau di bawah remang-remang
cahaya
Ilmu pelita sebagai saksi
Antara ribuan anak bangsa
Antara kecekalan, kegigihan dan ketekunan
Namun,
Dengan harapan dan kudratmu
Engkau menyongsong perjuangan
Menelusuri segenap ruang hati
Mengasah kebijaksanaan anak-anak bangsamu
Engkaulah pendidik
Harapan anak-anak bangsa
Kau nobatkan proklamasi diri
Kauangkat martabat bangsa
Kaubangun warga mandiri
Ketika perjuanganmu bergolak
Ketika namamu terjulang melangit
Engkau menyusur pinggir kemanusiaan
Mengusap setiap teluk jiwa tak berantara
Tiadakah luntur semangatmu ampuh
berdinding ilmu
Kau dobrak rembok kegelisahan itu
Kau korbankan masa dan tenagamu
Demi mencelikkan mata, membuka minda
Anak-anak bangsa
Kehadiranmu pengatur ruang
Bibir retak keprihatinanmu
Tiadakah jemu membicara soal politik,

ekonomi dan sosial
Tangan gigihmu
Tiadakah jemu membicara soal politik, ekonomi
dan sosial
Tangan gigihmu
Tiadakah jemu menggendong buku-buku ilmiah
Tatapan mata, santapan minda
Anak-anak bangsamu
Kini,
Impianmu bukan lagi ulitan mimpi negeri
Sebaliknya, senyumanmu menatang penuh erti
Sedang anak-anak bangsamu
Menguak tabir kejayaan
Menggenggam segulung ijazah
Tatkala itu,
Lagu kejayaanmu yang padu
Meningkah gema
Bagi menyempurnakan
Falsafah Pendidikan Negara.

*Janet
6CA*

*Puisi ini telah memenangi hadiah saguhati
Hadiah Penulisan dan Penerbitan Majalah
Sekolah menengah Negeri Sarawak 2001
anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan
Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri
Sarawak.*

NIKOSA...

terus aktif

oleh Zulkefli Md. Jasin



Salah satu adegan dalam teater 'Tanah Ronggeng'.

NIKOSA atau Seni Kebudayaan Orang Sarawak kini terus mencipta nama dengan membuka ruang kepada peminat-peminat teater dan kesenian di sekitar Bandaraya Kuching untuk menyertai kegiatannya. Dengan cara ini sekurang-kurangnya belia dan beliawanis ini akan terselamat daripada gejala negatif seperti budaya lepak, dadah, samseng, dan gejala sosial yang lain.

Sejak mula ditubuhkan hingga ke hari ini, NIKOSA telah banyak menerima undangan dan mengambil bahagian dalam majlis-majlis berbentuk formal dan tidak formal seperti persembahan lagu rakyat atau permainan rakyat, teater dan lain-lain lagi. Sejak awal tahun hingga penghujung Ogos lalu, 16 aktiviti telah dijalankan iaitu:

- a. Pentomin sempena Hari jadi Ketua Menteri (Dewan Santapan) DUN Sarawak - anjuran KPSU.
 - b. Citrawarna Malaysia di Kuala Lumpur - anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
 - c. Persembahan lagu rakyat - anjuran MEKKAP/DBP.
 - d. Siaran langsung Gawai - anjuran RTM.
 - e. Pertandingan lagu rakyat di Tebingan Kuching dan mendapat johan.
 - f. Persembahan lagu rakyat - Dokumentasi UPM.
 - g. Persembahan lagu rakyat di Hotel Hilton, sempena Mesyuarat Setiausaha Sabah dan Sarawak.
 - h. Pentomin dan sketsa RTM bersama dengan Mr. Os, sempena ulang tahun RTM ke 55 tahun
 - i. Bengkel teater di Maktab Perguruan Tun Abdul Razak, Kota Samarahan.
- JS**

MAJLIS DISKUSI

KUMPULAN PUSSI 彭雅儿诗集

oleh Zainal Abidin Haji Suhaili

SALAH satu daripada objektif penubuhan sebuah persatuan penulis adalah untuk mengusahakan peluang dan ruang untuk para penulis memajukan bakat mereka. Kemajuan bakat seseorang penulis hanya akan dapat dinilai jika karya mereka diterbitkan dan diketengahkan kepada khalayak pembaca. Tanggungjawab untuk menerbitkan karya sastera terutama sekali dalam bentuk buku tidak wajar hanya diletakkan di atas pundak Dewan Bahasa dan Pustaka semata-mata. Pihak swasta dan persatuan penulis juga perlu memainkan peranan yang lebih bermakna dalam perkara ini.

PUTERA sebagai sebuah persatuan penulis juga tidak ketinggalan untuk turut menyumbangkan peranan dalam bidang penerbitan. Sehingga kini, PUTERA telah berjaya menerbitkan dua buah majalah iaitu *Sukses* pada tahun 1981 dan *Suarasa PUTERA* pada tahun 1990, sementara dalam bentuk buku pula ialah Antologi puisi *Puisi-puisi PUTERA* (1980), *Dongeng Kembara* (1990), *Suara Merdeka* (2000), *Menara Budi* (2000), *Alak Betatar* (2000) dan *Mengenal Yang Asal* (2000).

Sebagai usaha untuk mempromosi dan mengetengahkan buku-buku terbaru terbitannya, PUTERA telah mengadakan Majlis Diskusi Buku Kumpulan Puisi Penyair PUTERA pada 28 Julai 2001 bertempat di Maktab Perguruan



Sarawak, Miri. Majlis diskusi ini dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Maktab Perguruan Sarawak. Ahli-ahli panel bagi majlis ini ialah Tuan Haji Hamzah Hamdani yang membicarakan tentang *Suara Merdeka* tulisan Haji Jeli Bohari Biha, Abang Patdeli Abang Muhi yang memperkatakan *Menara Budi* hasil karya William Chan Khun Neng, Jeniri Amir yang menyusuri kumpulan puisi *Mengenal yang Asal* buah tangan Abizai dan Hazami Jahari yang menilai kumpulan puisi *Alak Betatar* tulisan Poul Nanggang.

Menurut Haji Hamzah Hamdani membaca perasaan dan fikiran Jeli Bohari lewat kumpulan *Suara Merdeka* bermakna kita akan menyelami perasaan dan fikiran penyair ini melalui kata-kata tersurat dan tersirat serta ketahanan hayatnya sebagai antara penyair penting Sarawak.

Bagi Abang Patdeli Abang Muhi, apabila membaca puisi-puisi dalam kumpulan *Menara Budi* kita pasti akan terkena tempias rasa dan kocak jiwa William Chan, di samping dapat mencungkilkan sedikit sebanyak pengalaman dan pengamatannya tentang alam dan kemanusiaan melalui kaca mata seorang penyair.

Jeniri Amir membahagikan puisi-puisi Abizai dalam kumpulan *Mengenal yang Asal* kepada tiga peringkat yang menjadi intipati kepada puisi-puisinya yang terdapat dalam kumpulan ini. Pada pandangan Jeniri Amir, Abizai memperlihatkan gaya





penulisan yang berbeza daripada penyair lain, khususnya dari segi pemilihan diction dan pembentukan ungkapan hingga mewujudkan semacam idiosinkrasi pula.

Hazami Jahari menjelaskan bahawa apabila menatap sajak-sajak dalam kumpulan *Alak Betatar* karya Poul Nanggang, pembaca telah dibawa ke satu dimensi rasa dan fikir seorang yang amat akrab dengan alam kerana sebilangan besar sajak-sajak tersebut melukiskan alam dari pelbagai sudut dan segi yang seterusnya dipertalikan dengan pembangunan, nasionalisme, politik dan hal-hal peribadi.

Pada penghujung acara, para penyair telah dijemput untuk membaca puisi daripada buku masing-masing kecuali William Chan yang tidak dapat hadir dan telah diwakili oleh Yusran Junaidi. Sambutan terhadap majlis diskusi ini daripada para hadirin yang sebahagian besarnya terdiri daripada guru pelatih adalah amat menggalakkan. Sastera ini dapat dilihat semasa sesi soal-jawab dan jumlah penjualan buku-buku tersebut selepas majlis selesai.

Awal tahun hadapan, PUTERA bercadang untuk menerbitkan sekurang-kurangnya sebuah Novel, dua buah Kumpulan Cerpen dan sebuah Kumpulan Puisi hasil karya para penulis ahlinya. Beberapa buah manuskrip sudah dikenal pasti untuk tujuan tersebut. **JS**





بلياو لاکي، قد عامن بوکو رفرینسي جارع سرونوق دباج دان ESKM اين سوغکوه مميكت سهیغک کرف کالي ممبواتکن کيت ممباچن سمولا دان تاك صبر اونتوق منتيکن جيليد. جيليد ستروسن. حاضرين يع راتا ۲۱ ترديري درقد فعتوا سکوله، وکيل کتوا. کتوا جباتن دان ڤوستاكاوان تله ممبري معلوم بالس يع ڤوسيتيف دمان مریک منونجوكن مينت ترهادف ESKM ملالوئي سؤالن. سؤالن يع داجوکن ترهادف ڦانيل ڦيچارا. حاصيل درقد مجلس سأومقام اين تله باپق مپومباغ ڦنيعڪاتن جمله جوالن ensiklopedia برکناءن.

لنرن سيكف مشاركة کيت يع کورع ممبري ڦنڪانن تردافت طبيعة ممباج، مجلس سأومقام اين هاروس دتروسکن دري ماس کسماس اکن داتخ اونتوق ممبنتو مریک مماهي کواتن دان گلېهن يع اد ڦ ساتو. ساتو باهن تربیتن DBP جيک هرگ دان بهاس يع منجادي ڦرسؤالن، مک کيت هاروس منونجولکن کواتن فکتا دان ڦنوليڪ ايت سنديري اونتوق پدرکن اورع راماي بتاف بهاس ملايو ممفو مغوغڪ ڦلباكاي علو اونتوق ڪفتنيعن تمدون ماءنسى ماس کيني.

دکقولوعن ملايو. منوروت بلياو لاکي، ددالم ensiklopedia اين ترکندوغ همغير کسما توکوه. توکوه يع تله ممبري سومبغن بسر ددالم تمدون ماءنسى قد زمان مریک.

ڦيچارا کدوا، دوکتور ادي باديوزمان تواه ڦولا مپنتوه بيدغ بهاس، دان بلياو جوک سقندافت بهاوا ESKM اين تله منجلسكن ڦخارا ترقرینچي تتع سکلا اسفیک مغنائي بهاس. انچيق سنیب سعید بريچارا مغنائي سکوف کبوداين يع دستنوه اوليه ensiklopedia اين.

بلياو سنديري معاکوي باپق عادة، تراديسى دان ڪفرچايءن يع دهوريکن اوليه ESKM اين مروفاکن سسواتو يع منجوبکن کران اي مپنتوه اسفیک کبوداين قوم. - قوم اوتم دان يع کچيل دسلوروه نکارا. دوکتور بوريس ڦرنیکل، بکس فيللو ڦيليديق ڦلاوات دجياتن اکادمي ملايو اونیورسيتي ملايا يع برڪمفتن ممباج ESKM اين، مېفتکنن سباکاي شرط دغان معلومت فكتوال دان ڦربنديشن دسمقيع باپق منفعه باکي ڦاکر سرجان ييدغ لاءين تراوتامن ڦارا ڦيليديق دنکارا ۲۱ اسيا تغکارا تمبه

ESKM

هاروسکه دمیلیکی؟

اوليه: ادنان جونيدی

کواتن سسبواه بوکو باپق برکتوغ کهد کويجاواعن ڦنوليڪ. بوکو - بوکو عموم خصوصن ممافر دان ممبينچعکن فکتا. فکتا دغان ستقت موغکين، يع کريديبيلىتي ڦغارع امت دتييقيبرتکن اوليه ڦباج. اوليه ايت ڦرلو اد ميڪانيسمى اونتوق مغوكور ڦجاوه مان کبولي ڦرچايءن ساتو - ساتو حاصيل ڦنوليڪ، سکورع ۲۱ اونتوق مياقينکن مشارکة ڦباج تنتع کواتن بوکو ترسبوت.

پدری اکن حال ترسبوت، DBP چاوغيون سراوق مراسکن ڦرلو ايسى کندوغن سسبواه بوکو دکوفس اونتوق ممبري گمبرن اول کهد مشارکة ڦنڪونا بوکو خاصن مغنائي کلبيهن دان کايستيمواعن سسبواه بوکو. مجلس اين برصرفه اکاديميك کرانا سيسى ٻيچارا بوکن سهاج مپنتوه تنتع ايسى کندوغن بوکو ايت سنديري تناڻي جوک مغنائي سومبغن درقد لبيه 300 اورع سرجان باعيق دري دالم ماھوڻون لوار نکري.

ڦد 28 اوڪوس يع لالو، مجلس ٻيچارا Ensiklopedia ڦخاره دان کبوداين ملايو (ESK) تله داداکن د اوديتوريوم تون احمد زيدي